

“INI adalah satu lagi bukti, bahawa keamanan itu bukanlah komoditi, ataupun sesuatu yang boleh dibina seperti kita membina bangunan. Tetapi ia wujud dan lahir tersendiri dengan izin Allah. Negara, apabila pemerintah dan rakyatnya mentaati Allah, maka insya-Allah, akan tegaklah keamanan itu.”
- Titah dalam Majlis Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-45 Tahun pada 3 Jamadilakhir 1427 / 31 Mei 2006.



“SESUNGGUHNYA Allah membeli daripada orang-orang yang beriman, jiwa dan harta benda mereka dengan mengurniakan bagi mereka Syurga disebabkan mereka berperang pada jalan Allah lalu mereka membunuh dan terbunuh.” (Surah At Taubah ayat 111).

Berkenan kurniakan Watikah dan Surat Tauliah Pelantikan

Oleh :

Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar,
Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Watikah-watikah Pelantikan kepada lima orang Duta-duta Besar dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam yang baru dan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan dari dua orang Ketua Perwakilan negara asing ke negara ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mula-mula berkenan mengurniakan Surat Watikah Pelantikan kepada bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; bakal Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Haji Awang Saiful Bahri bin Haji Awang Mansor; bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Emiriah Arab Bersatu, Tuan Yang Terutama Awang Haji Mohd. Yusra bin Haji Mohd. Salleh; bakal Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Australia, Tuan Yang Terutama Awang Haji Zakaria bin Haji Ahmad dan bakal Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Kolonel (B) Haji Ra'emi Maleek bin Haji Abdul Wahab.

Ke muka 12 & 13

Menerima mengadap Duta, Pesuruhjaya dan Perwakilan Asing yang baru



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap secara berasingan Duta-duta Besar dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan di muka 12 & 13).

Kolej IGS mampu menyumbang ekonomi negara

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mei. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bersabda penghasilan sumber tenaga manusia yang berkualiti tinggi dan mempunyai keterampilan serta kemahiran yang diperlukan untuk membangunkan negara, merupakan salah satu objektif utama sistem pendidikan negara kita.

Kolej IGS, sabda Yang Teramat Mulia aktif menyediakan program-program akademik dan vokasional yang mampu menyumbang kepada usaha-usaha untuk memajukan ekonomi dan sektor swasta negara.

YTM bersabda demikian pada Majlis Konvokesyen Kali Pertama Ijazah Sarjana Muda Lim Kok Wing Universiti of Creative Technology dan Konvokesyen Kali Keenam Diploma-diploma BDTVEC Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa (Kolej IGS) di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Terdahulu daripada itu, sabda YTM, pencapaian yang diperolehi pada hari ini, adalah hasil semangat kental dan usaha gigih serta keinginan para graduan untuk meningkatkan pencapaian diri masing-masing.

“Pengiktirafan juga perlu diberikan kepada komitmen dan dedikasi tenaga akademik Kolej IGS dalam mendidik dan membimbing para

graduan ke arah mencapai kejayaan dan menjadi aset negara yang sangat bernilai,” sabda YTM.

Dalam hubungan ini, sabda YTM, penetapan program-program yang ditawarkan oleh Kolej IGS haruslah mengambil kira keperluan sumber tenaga manusia yang dikehendaki oleh negara dan pasaran kerja tempatan.

YTM menegaskan pihak Kolej IGS juga perlu mendalami aktiviti-aktiviti kerjasamanya dengan pusat-pusat pengajian tinggi yang lain sama ada yang di dalam ataupun di luar negara bagi meningkatkan lagi keupayaan tenaga akademiknya dan mempelajari amalan-amalan terbaik yang digunakan oleh institusi-institusi pengajian tinggi yang lain.

“Dalam hal ini, adalah sangat menggalakkan untuk melihat bahawa Kolej IGS telah melaksanakan usaha sama dengan Lim Kok Wing Universiti of Creative Technology Malaysia untuk menawarkan kursus Sarjana Muda dalam bidang ICT secara sepenuh masa di dalam negeri,” sabda YTM.

Ke muka 24

DI DALAM



Muka 4

DPPW berkenan menerima mengadap dua perwakilan asing

Pelajar perlu lipat gandakan usaha dengan tekun dan gigih



PEMANGKU Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail semasa berucap pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang (APC) Bagi Sekolah-Sekolah Rendah dan Menengah/Maktab Kerajaan Senegara Bagi Tahun 2012 pada hari Rabu, 5 Rejab 1434 Hijriah / 15 Mei 2013, bertempat di Dewan Persidangan Utama, BRIDEX, Jerudong.

**Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh**

ALHAMDULILLAH, terlebih dahulu saya sukacita melafazkan rasa kesyukuran ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua dapat hadir dalam Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Sekolah-Sekolah Rendah dan Menengah serta Maktab-Maktab Kerajaan Seluruh Negara Bagi Tahun 2012.

Saya juga sukacita merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Pengerusi majlis dan seluruh Ahli Jawatankuasa Kerja Penganugerahan Pelajar Cemerlang Sekolah-Sekolah Rendah dan Menengah serta Maktab-Maktab Kerajaan Senegara Bagi Tahun 2012, atas ingatan baik mengundang saya hadir ke majlis ini dan seterusnya memberikan penghormatan kepada saya untuk menyampaikan hadiah-hadiah kepada pelajar-pelajar yang memperolehi kejayaan cemerlang dalam peperiksaan mereka baru-baru ini.

Dalam kesempatan ini saya ingin mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada para pelajar yang berjaya dengan cemerlang yang diraikan pada pagi ini, tahniah juga ditujukan kepada para guru yang telah memberikan bimbingan dan tunjuk ajar dan juga kepada ibu bapa serta penjaga yang banyak memberi semangat dan dorongan sehingga kejayaan cemerlang ini dapat dilihat realitinya pada pagi ini.

Sesungguhnya kejayaan dan kecemerlangan yang diraikan pada hari ini merupakan kesepaduan usahasama pihak pelajar, para guru dan juga ibu bapa / penjaga yang kesan baik dan kegembiraannya dapat dikongsikan bersama setelah adanya komitmen, iltizam, kesabaran dan kesungguhan yang telah ditunjukkan sepanjang musim pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Kejayaan cemerlang yang diperolehi oleh para pelajar jelas menampakkan satu kemajuan dalam pencapaian pembelajaran dan pengajaran yang dapat dibanggakan dan sekali gus memberi gambaran peningkatan kualiti pendidikan dalam usaha menghasilkan pelajar sebagai aset negara untuk berjaya dan maju ke hadapan sejajar dengan hala tuju Kementerian Pendidikan, sebagaimana yang terdapat dalam The Ministry of Education Strategic Plan 2012-2017 dan juga Wawasan Brunei 2035 iaitu mempunyai rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi.

Sehubungan dengan ini, segala usaha untuk memperolehi kejayaan yang berterusan dalam era dunia masa kini yang penuh mencabar perlu dipertingkatkan, para pelajar perlu bersedia melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan, kemahiran tinggi yang inovatif, memiliki jati diri dan beretika untuk mempertingkatkan keupayaan dalam menanganai segala perubahan dan cabaran dengan cekap dan berkesan.

Dalam masa yang sama, keperluan memiliki dan mengamalkan nilai-nilai murni dan akhlak terpuji sebagai tiang seri kepada ilmu pengetahuan dan keterampilan diri mestilah menjadi keutamaan. Dalam erti kata lain, nilai-nilai agama dan moral perlu ada dalam diri setiap pelajar kerana dengan nilai-nilai inilah yang akan menjadi benteng dan pendorong yang baik kepada para pelajar dapat meneruskan kehidupan yang lebih bermakna dan seterusnya untuk mencapai kejayaan yang cemerlang di masa-masa akan datang.

Sebagaimana yang dimaklumi bersama, pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui beberapa kementerian dan agensi-agensi tertentu telah menyediakan dan menawarkan pelbagai peluang dalam bentuk biasiswa kepada pelajar-pelajar cemerlang untuk meneruskan pembelajaran mereka sama ada di institusi pendidikan dalam atau di luar negeri. Di antara peluang yang disediakan untuk pelajar-pelajar cemerlang ialah:

- Penganugerahan Skim Biasiswa Di Bawah Kementerian Pendidikan
- Penganugerahan Skim Biasiswa Ke Luar Negeri Di Bawah Dana Sumber Tenaga Manusia Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi
- Penganugerahan Skim Biasiswa Khas Ke Luar Negeri Di Bawah Perkhidmatan Pentadbiran Negara Brunei Darussalam, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Untuk itu, saya menyeru kepada para pelajar supaya dapat melipatgandakan usaha masing-masing dengan lebih tekun dan gigih sebagai persediaan untuk bersaing bagi merebut peluang-peluang keemasan ini sesuai dengan kehendak negara yang masih memerlukan pakar-pakar dalam berbagai-bagai bidang tertentu.

Saya difahamkan, menurut statistik yang disediakan oleh Bahagian Dermasiswa, Kementerian Pendidikan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus dalam pelbagai bidang pengajian pada masa ini adalah seramai 1,614 orang iaitu 310 orang di bidang kejuruteraan, 904 orang pula di bidang sains, manakala 400 orang lagi di bidang kemanusiaan. Mereka ini sedang melanjutkan pelajaran di United Kingdom, Australia, New Zealand, Amerika Syarikat, Jerman, Kanada, Singapura dan Jordan.

Dalam usaha meningkatkan kuantiti atau bilangan tenaga pakar, kita juga sedang berusaha meningkatkan prestasi dan kualiti sistem pendidikan kita bagi mempersiapkan generasi pelajar dengan kualiti yang diperlukan supaya mereka ini mampu bersaing di persada antarabangsa. Ke arah ini, peranan dan tanggungjawab guru semakin penting dalam membudayakan inovasi dan kreativiti, dengan sekolah dijadikan medan, pertama bagi pelajar-pelajar mengorak langkah untuk menjadi insan cemerlang. Para guru perlu berusaha menggembleng tenaga dalam pelbagai program yang diperkenalkan yang secara tidak langsung dapat mengangkat sistem pendidikan negara ke mercu kecemerlangan.

Para pemimpin sekolah yang terdiri dari pengetua-pengetua dan guru-guru besar adalah berperanan dan bertanggungjawab sebagai penggerak utama dalam melaksanakan inisiatif Kementerian Pendidikan. Dalam masa yang sama sekolah-sekolah akan dapat melihat kekuatan-kekuatannya dan seterusnya berusaha ke arah mengeksplotasi ruang-ruang peningkatan yang belum diterokai, sebagai langkah untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan secara berterusan.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sukacita menyeru kepada semua pemimpin-pemimpin sekolah dan guru-guru, agar terus berusaha dengan lebih komited dan penuh iltizam kerana di atas bahu abiskitalah terletaknya amanah dan tanggungjawab dalam melahirkan generasi intelektual sejati yang berkeperibadian, menurut konsep Melayu Islam Beraja.

Kepada para ibu bapa dan penjaga pelajar-pelajar hendaklah bersedia untuk memahami persepsi terhadap peranan pendidikan yang bukan hanya sekadar landasan untuk mendapatkan pekerjaan sahaja, tetapi yang utama adalah sebagai landasan untuk meneroka ilmu dan kemahiran bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035 iaitu untuk melahirkan insan berpendidikan dan berkemahiran tinggi. Saya berharap kerjasama dan sokongan abiskita akan dapat terus diperolehi oleh Kementerian Pendidikan dari semasa ke semasa.

Kepada para pelajar saya ingin mengingatkan bahawa pihak kerajaan telah memperuntukkan belanjawan yang terbesar kepada Kementerian Pendidikan bagi menyediakan infrastruktur dan kemudahan pendidikan yang kondusif dan lengkap untuk keselesaan pelajar-pelajar akan dapat terus belajar dan menggunakan kemudahan-kemudahan ini dengan sebaik-baiknya.

Akhirnya, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada para pelajar yang diraikan, guru-guru dan ibu bapa/penjaga para pelajar yang cemerlang. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada semua Ahli Jawatankuasa Kerja Majlis yang telah berjaya mengendalikan majlis ini dengan lancar, lebih-lebih lagi dengan adanya gabungan kerjasama padu daripada Bahagian Pendidikan Rendah dan Bahagian Pendidikan Menengah, semoga usaha jalinan berkerjasama seumpama ini akan dapat diungkayahkan lagi pada masa mendatang, dengan iringan doa semoga segala usaha ini akan menjadi amal jariah kepada semua pihak yang terlibat dengan diberkati dan mendapat rahmat serta balasan yang setimpal dari Allah Subhanahu Wata'ala jua. Aamiin.

Dari Sidang Pengarang.

27 MEI 2013 BERSAMAAN 1434 رجب 17

KEKALKAN DAN LINDUNGI KHAZANAH ALAM SEMULA JADI

BILA memperkatakan tentang khazanah alam semula jadi, kitani semua dapat membayangkan tentang keindahan flora dan fauna yang ada di negara bertuah ini. Dengan kehijauan pokok-pokok hutan tropika dan bunga-bunga yang mekar serta binatang-binatang yang hidup bebas di hutan belantara melambangkan kekayaan hutan kitani yang kaya dengan flora dan fauna.

Hutan yang ada di negara kitani adalah ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala yang perlu dipulihara dan dijaga daripada sebarang ancaman yang boleh merosakkannya seperti firman Allah dalam Surah Al A'raaf ayat 56 tafsirnya :

"Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakannya segala yang membawa kebaikan kepada-Nya."

Bagi menangani perkara-perkara yang boleh menggugat kelestarian khazanah alam semula jadi ini, Bahagian Hidupan Liar telah berusaha supaya khazanah alam yang berharga ini dapat dinikmati seterusnya oleh generasi akan datang. Oleh itu, kesedaran masyarakat tentang flora dan fauna perlu ditingkatkan dengan bimbingan para pegawai yang berkenaan supaya negara kitani tidak akan ketandusan flora dan fauna.

Apa yang penting, penerokaan hutan haruslah dikawal ketat supaya tumbuhan semula jadi dan hidupan liar mempunyai ekosistem yang seimbang. Hutan yang menjadi habitat semula jadi pada hidupan liar dan tumbuhan semula jadi perlu dipulihara dengan sebaik-baiknya.

Bahagia Hidupan Liar telah menyenaraikan sebanyak 34 spesies binatang sebagai binatang liar yang dilindungi di negara ini iaitu 23 spesies burung, tujuh spesies mamalia dan empat spesies reptilia.

Semakin dilindungi binatang yang terancam semakin banyak pemburu yang berminat untuk mendapatkannya sama ada untuk dijual atau untuk disimpan sendiri. Dalam hal ini, penjualan binatang atau burung tanpa lesen perlu dipantau kerana dikhuatiri ada sebahagian burung atau binatang yang dijual itu termasuk dalam spesies yang dilindungi.

Untuk meningkatkan lagi kesedaran masyarakat terutamanya golongan generasi muda, memberi pendidikan awal kepada kanak-kanak yang sedang membesar tentang kepentingan memelihara spesies binatang yang terkawal adalah perlu agar mereka peka dan menghargai khazanah sumber alam kerana adalah menjadi satu kerugian bagi generasi akan datang jika spesies binatang liar atau tumbuhan yang dilindungi tidak ada lagi di muka bumi ini.

Pemburuan haram dan pemusnahan spesies tumbuhan perlu diambil tindakan yang sewajarnya. Memperketatkan akta dan tindakan undang-undang sekurang-kurangnya akan membuka mata pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab seperti pemburu haram dan juga pengambilan gaharu dan ramin.

Kitani sedar bukan mudah untuk melindungi spesies flora atau fauna yang dilindungi tanpa adanya kerjasama daripada orang ramai. Kesedaran dan tanggungjawab orang ramai adalah penting untuk menjayakan pengawalan hidupan binatang liar di negara ini. Sebagai rakyat dan penduduk di negara ini kitani jangan mengharapkan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sahaja untuk menanganai perkara ini. Bantu, sokong dan tunaikan tanggungjawab kitani untuk mengekalkan kekayaan sumber khazanah alam daripada pupus. - **Ketua Penyuntingan.**

SIDANG PENGARANG

Pemberitaan/Rencana

Hajah Zabaidah Haji Salat,
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuriahah Haji Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Aryentyt Haji Ariffin

Ketua Penyuntingan

Hajah Rosidah Haji Ismail
Ali Termizzi Haji Ramli / Haji Ramli

Penyelaras dan Reka Letak

Samle Haji Jait,
Khairul Shaharim Haji Abdul Chafor,
Haji Ahmad Haji Salim

Penyemakan

Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Atikah Mohd. Asyraf,
Hajah Sujimawati Mejari,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli

Penyuntingan

Haji Sahari Akim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Haji Aliddin Haji Mokhtal,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahrnan Wan Ahmadi,
Haniza Abdul Latif

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail,
Hatrul Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

**PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**
140

ELEKTRIK
144

NDMC
2380214

Ramalan Cuaca Tiga Hari

ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN 32°C / 25°C	32°C / 25°C	32°C / 24°C
MUARA 32°C / 25°C	32°C / 25°C	32°C / 24°C
PEKAN BANGAR 32°C / 25°C	32°C / 25°C	32°C / 24°C
PEKAN TUTONG 32°C / 25°C	32°C / 25°C	32°C / 25°C
PEKAN SERIA 32°C / 25°C	32°C / 24°C	32°C / 24°C
KUALA BELAIT 32°C / 25°C	32°C / 24°C	32°C / 24°C

Walaupun cuaca berawan
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam
Jabatan Persekitaran Alam
Telefon : 2330142 sembang 1888/1551 atau Talian Cuaca : 114

Para pemimpin bersetuju mengeluarkan deklarasi APWS



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan serta Wakil-wakil Peringkat Tertinggi Kerajaan ketika menghadiri Sidang Kemuncak Air Asia-Pasifik (APWS) Kali Kedua di Chiang Mai, Thailand pada 20 Mei 2013 yang lalu.

CHIANG MAI, THAILAND, Selasa, 21 Mei. - Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan serta Wakil-wakil Peringkat Tertinggi Kerajaan yang menghadiri Sidang Kemuncak Air Asia-Pasifik (APWS) Kali Kedua di Chiang Mai, Thailand pada 20 Mei 2013 telah bersetuju mengeluarkan satu deklarasi bagi menangani kepentingan air sebagai satu bahagian yang amat penting dalam kehidupan manusia, keselamatan manusia, alam sekitar serta ekonomi.

Deklarasi disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Pengerusi Air dan Pengurusan Air Thailand, Tuan Yang Terutama Surapong Towichakchaikul pada Majlis Penutup APWS Kali Kedua dan Penyerahan Deklarasi tersebut berlangsung di The International Convention and Exhibition Centre, di sini.

Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan serta Wakil-wakil Peringkat Tertinggi Kerajaan bersetuju untuk :

- Memperakui bahawa air adalah teras pembangunan yang mampan dan berkait rapat dengan beberapa cabaran utama global, mengulangi akan kepentingan mengintegrasikan air ke dalam pembangunan mampan dan menekankan secara kritikal akan kepentingan air dan sanitasi dalam tiga dimensi pembangunan mampan

seperti mana yang dinyatakan dalam dokumen hasil daripada Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pembangunan Mampan yang bertemakan 'Masa Depan Yang Kita Mahu'.

- Memperakui rantau Asia dan Pasifik merupakan rantau yang paling sering dilanda bencana di dunia, dan bencana yang berkaitan dengan air termasuk banjir dan kemarau di rantau ini terus meningkat dari sudut intensiti dan kekerapan,

- Terus memperakui akan kesan buruk daripada perubahan iklim yang boleh memburukkan lagi intensiti dan kekerapan kejadian-kejadian ekstrem yang menyebabkan kemusnahan ekonomi dan sosial, termasuk kehilangan nyawa manusia,

- Memberi perhatian akan kesan daripada bencana yang berkaitan dengan air yang menimbulkan risiko besar ke atas pulau kecil negara membangun (SIDS), negara-negara yang kurang membangun (LDCs) dan daratan negara-negara membangun (LLDCs) dan usaha mereka untuk mencapai pembangunan mampan.

- Menekankan bahawa pembangunan dan pengurusan air perlu berdasarkan pendekatan penyertaan yang melibatkan pengguna, peran-

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

cang dan pembuat dasar di semua peringkat dan juga bahawa wanita mempunyai peranan penting dalam penyediaan, pengurusan dan pengawalan air seperti mana yang dinyatakan dalam 'Dublin Statement on Water and Sustainable Development'.

- Memperakui bahawa kemampuan pengeluaran makanan yang semakin bergantung kepada pengurusan air yang cekap dan mantap serta keperluan untuk meningkatkan pengeluaran pertanian yang berkekalan adalah berkait rapat dengan pembangunan dan pengurusan sumber air secara bersepadu, iaitu antara lain;

- * Memperbaharui komitmen yang dibuat pada APWS Kali Pertama, (Beppu, Jepun, 2007) yang memberi keutamaan tinggi kepada air dan sanitasi dalam agenda negara dan memperuntukkan sumber-sumber yang bersesuaian untuk sektor air dan sanitasi,

- * Menggalakkan rangkuman pengurangan risiko bencana dalam agenda pembangunan pasca-2015 bagi menangani cabaran-cabaran yang sama untuk mengurangkan kematian dan kerugian ekonomi

akibat banjir, kemarau dan bencana alam yang lain,

- * Mempercepatkan proses penggabungan sumber perancangan dan pengurusan air bersepadu sebagaimana bersesuaian dalam rangka proses perancangan pembangunan sosioekonomi negara, di samping menyokong amalan terbaik dan rawatan tradisional sumber air termasuk amalan-amalan tradisional,

- * Meningkatkan kerjasama serantau mengenai perkongsian, pertukaran dan penyebaran pengetahuan saintifik dan teknikal serta amalan-amalan terbaik yang berkaitan dengan pengurusan sumber air bersepadu.

- * Menggalakkan kecekapan dalam penggunaan sumber air, di samping mengambil kira keperluan asas manusia termasuk penggunaan air domestik, industri, pertanian dan pemeliharaan keseimbangan ekosistem,

- * Meningkatkan sistem pengairan dalam sektor pertanian yang menggunakan jumlah besar sumber air sebagai sebahagian daripada rancangan untuk meningkatkan kecekapan penggunaan air,

- * Meningkatkan pertukaran teknologi dan perkongsian pengetahuan untuk mengoptimumkan pelbagai penggunaan air dan mengurangkan kesan buruk daripada risiko yang berkaitan dengan air dan juga bencana kepada kehidupan manusia, ekonomi serta alam sekitar,

- * Memberikan keutamaan dalam menggunakan maklumat dan teknologi komunikasi yang berkesan ke arah mengurangkan risiko bencana berkaitan air dan sistem bantuan termasuk amaran awal, membina masyarakat yang berdaya tahan melalui pembangunan kapasiti, tadbir urus responsif dan pembiayaan inovatif,

- * Menggalakkan pengambilan langkah-langkah untuk mengurangkan pencemaran air, meningkatkan kualiti air dan melindungi tanah lembap, sungai dan sumber air tawar yang merupakan antara keperluan asas manusia dan alam semula jadi.

- * Terus menggalakkan rangkaian dan perkongsian yang lebih baik dan sesuai antara kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan lain, dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan, perlindungan dan penggunaan sumber air yang rasional termasuk melalui pengukuhan perkongsian pihak awam dan swasta.

Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan serta Wakil-wakil Peringkat Tertinggi Kerajaan menyeru Forum Air Asia Pasifik untuk menggerakkan inisiatif sokongan semua cadangan ini terutamanya bagi penilaian risiko ekonomi berkaitan dengan bencana air dan perubahan iklim, promosi pertumbuhan hijau serta penubuhan Sistem Maklumat Air Asia.

Ucapan penghargaan ditujukan kepada kerajaan dan rakyat Thailand selaku tuan rumah pada APWS Kali Kedua ini.

Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan serta Wakil-wakil Peringkat Tertinggi Kerajaan juga menggalakkan semua kerajaan membuat segala usaha bagi melaksanakan cadangan-cadangan ini dan mempunyai kemahuan serta keberanian untuk merealisasikan visi tersebut.

DPPW berkenan menerima mengadap dua perwakilan asing



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan menerima mengadap bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Arab Mesir ke Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap, Tuan Yang Terutama Mohamed Saad Ibrahim Ebeid (kiri) dan menerima mengadap bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Korea ke Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap, Tuan Yang Terutama Jang Yong Chol (kanan).



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan menerima mengadap

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

dua Duta-duta Besar Istimewa dan Mutlak yang baru dilantik ke Negara Brunei Darussalam.

Pada majlis yang berlangsung di Balai

Penghadapan, Bukit Kayangan, di sini, Duli Yang Teramat Mulia menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Arab Mesir ke Negara Brunei Darussalam,

Tuan Yang Terutama Mohamed Saad Ibrahim Ebeid dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Korea, Tuan Yang Terutama Jang Yong Chol.

TYT Mohamed Saad Ibrahim Ebeid dan TYT Jang Yong Chol beribu pejabat di Kuala Lumpur.

Berkenan berangkat ke Konvokesyen IGS



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan bergambar ramai dengan para penerima Ijazah, Diploma Tertinggi Kebangsaan, Diploma Kebangsaan dan Pre Diploma Kebangsaan kepada penuntut-penuntut Kolej IGS yang berjaya menamatkan pengajian.



YANG Teramat Mulia berkenan mengurniakan sijil-sijil Ijazah, Diploma Tertinggi Kebangsaan, Diploma Kebangsaan dan Pre Diploma Kebangsaan kepada penuntut-penuntut Kolej IGS yang berjaya menamatkan pengajian.

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mei. - Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa Brunei Darussalam (IGS) mengukir lagi sejarah apabila seramai 184 graduan menerima ijazah dan diploma.

Berangkat mengurniakan ijazah dan diploma kepada para graduan ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia ke majlis yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail; Pengurus Eksekutif Kolej IGS, Pengiran Hajah Fatimah binti Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin.

Sejurus keberangkatan tiba, lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dimainkan dan diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh Awang Fahmi bin Haji Metussin.

Pada majlis itu, YTM juga berkenan mengurniakan sabda dan seterusnya menyempurnakan ijazah dan diploma serta mengurniakan anugerah kepada pelajar cemerlang.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin.



BANGGA DAN TERUJA ... Para penuntut Kolej IGS yang menerima sijil-sijil mereka dalam Majlis Konvokesyen 2013.

Delegasi AMMY Ke-8 diraikan

Oleh : Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

JERUDONG, Rabu, 22 Mei. - Para delegasi seminar dan ekspo yang menyertai Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Kelapan mengenai Belia (AMMY VIII), Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN+3 Mengenai Belia Keempat (4th AMMY+3) dan Seminar dan Ekspo Keusahawanan Muda ASEAN Pertama (1st AYESE) di negara ini diraikan dalam satu Majlis Jamuan Makan Malam yang bertempat di Royal Berkshire, Jerudong Park and Polo Country Club, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Mesyuarat yang bertemakan 'Golongan Muda: Membangun Masa Depan ASEAN Hari Ini' dan memfokuskan ke arah meningkatkan kesukarelawan dan keusahawanan

dalam kalangan belia di Asia Tenggara itu berlangsung di salah sebuah hotel terkemuka di Gadong yang bermula sejak hari Isnin yang lalu, 20 Mei 2013.

Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dari negara-negara anggota ASEAN bersama rakan-rakan dari Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea.

Beberapa kertas kerja mengenai keusahawanan dalam pelbagai bidang industri telah dibentangkan sepanjang mesyuarat tersebut berlangsung dan para delegasi seminar juga berpeluang mengadakan beberapa siri lawatan ke lokasi perindustrian tempatan seperti Pusat Pembangunan Belia, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei dan Syarikat Minyak Shell Brunei.

Sehubungan itu, Mesyuarat AMMY+3 Keempat bersambung semula pagi keesokkannya dan di jangka berakhir pada hari yang sama.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa hadir pada Majlis Jamuan Makan Malam bagi meraikan para delegasi seminar dan ekspo yang menyertai Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Kelapan Mengenai Belia.

Menyertu masjid baru Kampung Batong



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Menyertu Masjid Baru Kampung Batong.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Haji Osman

BATONG, Jumaat, 24 Mei. - Majlis Menyertu Masjid Baru Kampung Batong diadakan bagi memastikan kebersihannya sebelum pemasangan permaidani dan seterusnya digunakan sepenuhnya oleh para jemaah.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof.

Majlis Menyertu bangunan masjid baru tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa selamat.

Kerja-kerja pembinaan Masjid Baru Kampung Batong di bawah Projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN) 2007-2012 itu bermula pada 5 November 2011 dengan

anggaran perbelanjaan berjumlah BND2,055,567.06.

Masjid tersebut menyediakan kemudahan seperti dewan sembahyang utama lelaki dan perempuan, bilik muzakarah, bilik pegawai Hal Ehwal Masjid, bilik imam dan bilal, bilik tetamu khas dan VIP, bilik kuliah, bilik perpustakaan dan IT, bilik PA sistem, bilik stor, bilik pengurusan jenazah, bilik dapur, bilik air dan tempat berwudu bagi jemaah lelaki dan perempuan yang berasingan.

Hadir sama ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, KHEU, pegawai-pegawai kanan, jemputan khas, ketua kampung serta penduduk kampung tersebut.



MAJLIS Menyertu bangunan Masjid Baru Kampung Batong bersama penduduk kampung.

PPB tarik perhatian delegasi AMMY Ke-8

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos semasa memberikan taklimat ringkas mengenai fungsi Pusat Pembangunan Belia kepada Ketua-ketua Delegasi ASEAN AMMY Ke-8.

TANAH JAMBU, Rabu, 22 Mei. - Lebih dari 30 delegasi dan para perwakilan dari negara-negara ASEAN yang menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Belia (AMMY) Ke-8 mengadakan lawatan ke Pusat Pembangunan Belia (PPB), di sini.

Antara yang menyertai lawatan tersebut ialah ketua-ketua delegasi dari Republik Indonesia dan Viet Nam; Pegawai-pegawai kanan dari negara-negara ASEAN termasuk Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand, Kemboja, Republik Kesatuan Myanmar dan Sekretariat ASEAN.

Juga hadir pada lawatan tersebut,

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Mengalu-alukan delegasi dan para perwakilan ke pusat berkenaan ialah Pemangku Pengarah PPB, Awang Haswandi bin Haji Osman yang juga selaku Ketua Pusat berkenaan.

Rombongan kemudiannya dibawa melawat ke beberapa tempat di pusat berkenaan antaranya ke Bengkel Baik Pulih Badan Kenderaan dan berpeluang menyaksikan pembinaan *scuff-holding* serta Bahagian Kursus Kulineri/Bankuet dan Bengkel Pembuatan Kek/Pastri, yang mana para delegasi berpeluang menikmati beberapa hidangan *main*

course dan *desserts* yang disediakan oleh pelatih-pelatih di pusat tersebut.

PPB ditubuhkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di bawah KKBS untuk membantu para belia di negara ini yang tidak dapat meneruskan pendidikan formal atau mereka yang tidak mempunyai pekerjaan kerana kekurangan latihan kemahiran.

Pusat itu juga menyediakan beberapa program tertentu yang berkaitan Latihan Kemahiran, Pembangunan Diri dan Latihan Industri dengan menawarkan kursus-kursus seperti Teknologi Informasi dan Komunikasi, Teknologi Rekaan Fesyen, Seni Kulineri dan Bankuet, Pastri dan Konfeksionari, Terapi Kecantikan, Pemasangan Paip Air Domestik, Kimpalan dan Penghawa Dingin dan Pendinginan serta Baik Pulih Badan Kenderaan.

Antara objektif penubuhan pusat berkenaan adalah bagi menyediakan latihan kemahiran, meningkatkan pembangunan diri serta memberi nasihat dan bimbingan kepada belia dan majikan terhadap peluang pekerjaan.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memberikan latihan kepada belia untuk menjadi usahawan berjaya pada masa akan datang.

PPB pada masa ini juga sedang giat melaksanakan beberapa kursus singkat berkaitan dengan sektor industri kreatif yang dihasratkan akan dapat memberikan nilai tambah yang berguna kepada para belia di negara ini sekali gus melahirkan golongan belia yang mempunyai *multi-skill* di dalam pelbagai bidang.

300 pokok ditanam sempena UBD Green Wave 2013



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad semasa berucap pada Majlis UBD Green Wave 2013.

TUNGKU LINK, Rabu, 22 Mei. - Gelombang Hijau (Green Wave) merupakan acara global yang diadakan di seluruh dunia setiap 22 Mei pada pukul 10.00 pagi waktu tempatan.

Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengambil inisiatif mengadakan UBD Green Wave 2013 bertempat di Inspiring Hall, Student Centre UBD, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan merasmikan UBD Green Wave 2013

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Tetamu kehormat kemudian mengetuai penanaman sebanyak 300 anak pokok terdiri daripada benih-benih pokok tempatan di sekeliling kampus yang dilakukan serentak bersama pegawai dan kakitangan serta para pelajar UBD.

Terdahulu Ahli Majlis Mesyuarat Negara dalam ucapannya menyatakan, ancaman-ancaman biodiversiti dan alam sekitar seperti perubahan iklim pada masa ini amat membimbangkan dan memberikan kesan negatif kepada komuniti negara ini.

“Kita haruslah bertanggungjawab dalam sama-sama memelihara alam sekitar dan biodiversiti dan memastikan keadaan alam sekitar di tahap yang baik dan sihat serta terpelihara,” tegasnya.

Menerusi Green Wave itu, Yang Berhormat berharap ia bukan merupakan aktiviti *one-off* semata-mata tetapi inisiatif berterusan UBD untuk memberi kesedaran kepada warga UBD secara khusus dan komuniti secara amnya untuk menjaga kepentingan alam sekitar dan biodiversiti.

Yang Berhormat juga berharap lebih

banyak lagi *green initiative* diadakan di universiti tersebut seperti penjiatan tenaga pada bangunan-bangunannya, mengurangkan penggunaan plastik, meningkatkan lagi amalan 'Reduce, Re-use dan Recycle' dan sebagainya.

Ini katanya, UBD adalah sebagai salah sebuah institusi pengajian tinggi yang *premier* di negara ini, boleh menjadi *role-model* kepada institusi-institusi pendidikan lain dalam memupuk kesedaran dan kepentingan penjagaan alam sekitar.

“Saya yakin dengan prasarana yang ada di UBD pada masa ini, UBD mampu menjadi penggerak dalam sama-sama menyokong inisiatif negara ke arah mewujudkan alam sekitar yang sihat dan biodiversiti yang terpelihara.

Sementara itu, Penolong Naib Canselor (Korporat dan Pentadbiran) UBD, Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Dzulkiflee dalam ucapannya pula berkata, Green Wave 2013 itu diadakan untuk sama-sama meningkatkan lagi kesedaran masyarakat dalam memelihara alam sekitar dan biodiversiti di mana komuniti setempat, sekolah-sekolah, institusi pengajian tinggi, institusi-institusi

kerajaan dan bukan kerajaan juga akan sama-sama menanam pokok secara beramai-ramai.

Menurutnya, UBD mengharapkan melalui usaha itu dan lain-lain *green initiatives* yang dijalankan oleh universiti tersebut akan sedikit sebanyak dapat membantu dan menyumbang kepada usaha memelihara alam sekitar dan biodiversiti

untuk komuniti pada masa kini dan generasi-generasi yang akan datang.

“Kita selaku generasi masa kini mempunyai tanggungjawab untuk melindungi dan mengekalkan keadaan alam sekitar dan biodiversiti yang optima supaya generasi akan datang dapat menikmati suasana yang bersih dan sihat seperti yang kita alami masa kini malah lebih baik lagi,” ujarnya.



YANG Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee mengetuai penanaman sebanyak 300 anak pokok terdiri daripada benih-benih pokok tempatan di sekeliling kampus.

1,574 pokok ditanam sempena HKBA



PENGARAH Perhutanan, Awang Haji Saidin bin Salleh semasa menanam pokok sempena Hari Kepelbagaian Biologi Antarabangsa 2013 bertemakan 'Gelombang Hijau' (Green Wave).

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Hajji Mohd. Ali

BERAKAS, Rabu, 22 Mei. - Negara Brunei Darussalam bersama ribuan penduduk di seluruh dunia meraikan Hari Kepelbagaian Biologi Antarabangsa (HKBA) bertemakan 'Gelombang Hijau' (Green Wave) yang telah dilancarkan pada Mei 2008.

HKBA di negara ini disambut dengan penanaman 1,574 pokok anjuran Jabatan Perhutanan melibatkan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), mahasiswa dan mahasiswi Universiti Brunei Darussalam (UBD), HSBC Brunei dan 29 buah sekolah menengah.

Penanaman pokok yang diadakan di Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas itu juga disertai oleh Pengarah

Jabatan Perhutanan, Awang Saidin bin Salleh.

Bagi para pelajar dari 29 buah sekolah menengah yang terlibat, selain menanam pokok di kawasan Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas, mereka juga akan menanam pokok di kawasan sekolah masing-masing ke arah meningkatkan kesedaran mengenai kepelbagaian (biodiversiti).

Tahun ini merupakan kali ke-4 negara ini mengadakan kegiatan seumpamanya dengan menanam pokok secara serentak pada pukul 10.00 pagi.

Gelombang Hijau adalah di bawah projek yang dirancang bagi menyokong beberapa objektif Perjanjian

Antarabangsa Konvensyen Kepelbagaian Biologi untuk mempromosikan pemuliharaan dan kemampuhan penggunaan kepelbagaian sumber-sumber genetik secara adil dan saksama.

Projek tersebut bertujuan bagi membantu meningkatkan kesedaran dan mendidik generasi muda, pemimpin masa depan dan penduduk dunia mengenai kehilangan kepelbagaian yang terjadi di seluruh dunia, di samping perlunya mengambil langkah untuk mengekalkannya di seluruh dunia.

Sejak tahun 1992 hingga sekarang terdapat 193 buah negara telah memberikan komitmen bersama untuk memelihara kepelbagaian, menggunakan komponen-komponen kepelbagaian dengan mampan serta memanfaatkan sumber genetik secara saksama.

Pupuk kesedaran pelihara khazanah alam semula jadi

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Rabu, 22 Mei. - Sebanyak 34 spesis binatang telah disenaraikan sebagai binatang liar yang dilindungi di negara ini iaitu 23 spesis burung, tujuh spesis mamalia dan empat spesis reptilia.

Bagi melaksanakan pengurusan dan pengawalan hidupan liar di negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian

Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah memperkenalkan bagi penubuhan Bahagian Hidupan Liar pada 6 Oktober 2012.

Ke arah memberigakan kepada orang awam tentang kewujudan serta peranan dan bidang tugas Bahagian Hidupan Liar ini, jerayawara mengenai Hidupan Liar diadakan di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar, di sini.

Semasa jerayawara tersebut, taklimat mengenai Bahagian Hidupan Liar serta tugas dan peranan bahagian berkenaan disampaikan oleh dua pegawai dari Bahagian Hidupan Liar, Awang Jomari bin Haji Ahmad dan Awang Haji Muhammad Faisal bin Haji Nordin.

Juga hadir Ketua Bahagian Hidupan Liar, Awang Haji Ajamain bin Haji Sawal.

Jerayawara itu antara lain bertujuan untuk memupuk kesedaran awam mengenai kepentingan memelihara khazanah sumber alam semula jadi



KETUA Bahagian Hidupan Liar, Awang Haji Ajamain bin Haji Sawal bersama dua pegawai dari bahagian berkenaan semasa mengadakan jerayawara Hidupan Liar bagi Daerah Temburong.

(flora dan fauna) secara lestari agar tidak pupus untuk dinikmati bersama oleh generasi akan datang.

Melalui jerayawara seumpamanya, bahagian berkenaan berpeluang mendapatkan kerjasama pihak awam dalam membanteras jenayah hidupan liar iaitu aktiviti-aktiviti pemburuan

haram binatang-binatang terkawal dan pengambilan tumbuh-tumbuhan seperti gaharu dan ramin bagi tujuan komersil dan diperdagangkan.

Jerayawara tersebut dihadiri oleh agensi-agensi kerajaan yang relevan dan wakil-wakil dari institusi mukim dan kampung.



ANTARA yang hadir semasa jerayawara Hidupan Liar di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar.

ABDB hulur dana kepada lima persatuan NGO

Berita dan Foto : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Mei. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) menyerahkan cek kutipan derma kepada lima buah persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tempatan bersempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-52 tahun ini.

Majlis berlangsung di Mes Pegawai Bolkliah Garison di Kementerian Pertahanan.

Hadir selaku tetamu kehormat yang juga menyampaikan cek-cek tersebut ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Persatuan dan pertubuhan yang menerima sumbangan tersebut ialah Dana Pengiran Muda Mahkota Pengiran Haji Al-Muhtadee Billah, Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajah Mariam, Persatuan KACA, Smarter Brunei dan Persatuan

Pembelajaran Bertingkat (Learning Ladders Society).

Derma tersebut merupakan hasil kutipan daripada walkaton amal yang dilaksanakan pada setiap tahun yang bertujuan untuk mengumpul dana seterusnya memberi galakan kepada warga Kementerian Pertahanan dan ABDB untuk mengamalkan gaya hidup sihat.

Hadir sama ialah Pengarah Jabatanarah Keanggotaan, Kolonel (L) Haji Aznan bin Haji Julahi dan pemerintah-pemerintah ABDB.

PEMERINTAH ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa menyampaikan cek kutipan derma kepada sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tempatan bersempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-52 tahun.



Sesi dialog bentangkan operasi BLNG

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli



PEGAWAI Daerah Belait, Haji Haris bin Othman hadir pada Majlis Sesi Dialog bersama Syarikat Brunei LNG dengan Komuniti Liang Lumut.

LUMUT, Khamis, 23 Mei. - Syarikat Brunei LNG (BLNG) Sendirian Berhad telah mengadakan Sesi Dialog bersama Komuniti Liang Lumut bagi menerangkan mengenai operasi syarikat terutama sebelum memulakan kegiatan penyelenggaraan loji syarikat yang di jangka mengambil masa selama satu bulan yang dijadualkan pada bulan Jun ini.

Antara isu yang diketengahkan pada majlis tersebut selain kegiatan penyelenggaraan juga menengahkan projek-projek baru yang akan dilaksanakan oleh syarikat yang disampaikan oleh kakitangan syarikat yang berkaitan dengan projek-projek yang akan dilaksanakan itu.

Sesi dialog merupakan projek tahunan BLNG bagi meningkatkan pengetahuan dan menyampaikan

makluman awal kepada orang ramai terutama penduduk Mukim Liang Lumut mengenai operasi syarikat yang diadakan di Kelab Rekreasi Liang Lumut (LLRC), di sini.

Selain BLNG, dua buah syarikat gergasi yang bertapak di mukim tersebut, Syarikat Metanol Brunei (BMC) dan Syarikat TOTAL turut diundang bagi menyampaikan taklimat pada sesi dialog itu.

Hadir dalam sesi tersebut ialah Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman; Pegawai Pemerintah Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (ABDB), Perkhemahan Lumut, Leftenan Kolonel Mohd. Zulkarnain bin Haji Abd Wahab; Ketua Kampung Lumut I, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Shafie bin Ahmad; Ketua Kampung Lumut II,

Ketua Kampung Sungai Liang dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan serta penduduk Mukim Liang Lumut.

Di samping kegiatan penyelenggaraan Loji BLNG, beberapa projek baru yang akan dilaksanakan oleh syarikat tersebut meliputi projek pembinaan paip air bersebelahan tiga paip air yang sedia ada sepanjang 14 kilometer dari Rumah Pam Badas ke BLNG.

Pembinaan projek tersebut sangat penting untuk menjamin operasi BLNG.

Paip baru tersebut harus dibina secepat mungkin memandangkan ketiga-tiga paip yang sedia ada itu mengalami karat yang serius pada bahagian dalaman paip akibat daripada penipisan permukaan paip berterusan dan kebocoran paip akan terjadi yang

boleh menjejaskan operasi loji berkenaan.

Bagi menyelenggarakan pembinaan projek tersebut, beberapa aktiviti utama pembinaan dilakukan seperti pelebaran jalan pasir Badas, pembinaan penyokong konkrit untuk paip dan pembinaan mekanikal paip.

Aktiviti utama dijangka bermula pada suku ketiga tahun ini dan dijangka berakhir menjelang suku kedua tahun depan.

Pengurus Operasi BLNG, Awang Haji Abd. Rahman bin Sirat memberitahu sesi dialog merupakan sebahagian daripada tanggungjawab korporat syarikat kepada penduduk di mukim berkenaan dan ia merupakan perancangan jangka panjang syarikat dalam memastikan dan memantapkan lagi hubungan baik dengan komuniti akan terus berkekalan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

“Acara seperti ini setentunya memberikan peluang kepada kami untuk mengenal dan berinteraksi dengan penduduk setempat di samping berkongsi pandangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan operasi Brunei LNG,” ujarnya.

Pada masa yang sama, tambahnya, pihak syarikat percaya perjumpaan seumpama ini akan dapat merapatkan lagi hubungan baik antara pihak syarikat dan penduduk mukim berkenaan, di samping membentuk pakatan serta kefahaman kedua-dua belah pihak dalam mendalami lagi

perkara-perkara yang mempunyai sangkut-paut terhadap kepentingan bersama.

Beliau menyatakan BLNG telah beroperasi di Mukim Liang Lumut lebih daripada 40 tahun dan selama tempoh tersebut, syarikat tersebut dan penduduk mukim telah menjalin kerjasama yang erat dalam pelbagai bidang di mana penduduk mukim tidak kendur-kendur memberikan sokongan terhadap kegiatan syarikat dan syarikat sebaliknya akan terus komited terhadap kesejahteraan mukim selaras dengan misi dan objektif syarikat dan wawasan kerajaan.

Beliau berharap sesi dialog dan mini pameran yang diadakan akan dapat memberi pengetahuan serta menyampaikan maklumat kepada semua yang hadir mengenai operasi syarikat termasuk kegiatan tahunan Kegiatan Penyelenggaraan Loji.

Sesi tersebut merupakan kali kedua diadakan yang mana kali pertama diadakan pada 27 April tahun lalu di Dewan Serbaguna SPARK.

Ia antara lain bertujuan bagi menerangkan operasi syarikat terutama sebelum memulakan kegiatan penyelenggaraan loji berkenaan, di samping mengeratkan lagi hubungan penduduk Mukim Liang Lumut dan mengenal *stakeholders* baru dan pada masa yang sama menengahkan sebarang pandangan dan masalah yang dihadapi oleh penduduk berkaitan dengan operasi syarikat tersebut.

Usaha tingkatkan tahap keselamatan jalan raya

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Selasa, 21 Mei. - Majlis Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap keselamatan jalan raya di negara ini.

Sehubungan itu Ahli-ahli Jawatan-kuasa Majlis Keselamatan Jalan Raya Daerah Temburong telah membuat lawatan kerja ke tempat-tempat dan kawasan-kawasan tertentu di daerah ini bagi meninjau kawasan-kawasan yang terdapat aduan mengenai keselamatan jalan raya.

Kawasan-kawasan yang dilawati termasuklah simpang ke Kampung Senukoh di Mukim Labu, laluan pejalan kaki melalui Jambatan Batu Apoi, kawasan *zebra crossing*

berhampiran Tamu Muhibbah Aneka Selera di Pekan Bangar dan kawasan Terminal Perahu dan Penumpang (bagi isu kekurangan tempat letak kereta / mengkaji semula pemasangan tanda-tanda jalan raya).

Pusing keliling berhadapan Balai Bomba Bangar dan jalan raya dari Pekan Bangar menuju Batang Duri (bagi cadangan membaiki / menaik taraf jalan) juga ditinjau semasa lawatan kerja tersebut.

Pegawai Pentadbir, Jabatan Daerah Temburong, Awang Muhammad Aziman bin Awang Nasir menjelaskan tempat-tempat yang dilawati merupakan kawasan yang sering berlakunya kemalangan jalan raya dan

membahayakan pengguna-pengguna jalan raya dan orang ramai.

“Dengan adanya lawatan kerja ini kami akan mengambil tindakan yang berpatutan untuk mengurangkan kadar risiko kemalangan jalan raya dan juga meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya,” ujarnya.

Hasil daripada lawatan kerja tersebut beberapa cadangan, jelasnya, telah pun diutarakan dan akan dihadapkan ke peringkat kebangsaan nanti.

Antara ahli-ahli Majlis Keselamatan Jalan Raya Daerah Temburong yang menyertai lawatan kerja ini termasuklah perwakilan dari Jabatan Daerah Temburong, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Penerangan, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Tanah dan Jabatan Pengangkutan Darat serta wakil-wakil daripada sektor swasta.



AHLI-AHLI Majlis Keselamatan Jalan Raya Daerah Temburong semasa membuat lawatan kerja ke kawasan *zebra crossing* berhampiran Tamu Muhibbah Aneka Selera di Pekan Bangar.

Sijil Halal menjamin kemaslahatan orang ramai

Berita dan Foto :
Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Khamis, 23 Mei. - Para pengunjung Restoran Hijrah Koperasi Pengangkutan Bersatu Temburong Dengan Tanggungan Berhad (KPBT DTB) tidak perlu ragu dengan sumber makanan yang terdapat di restoran berkenaan.

Ini kerana restoran tersebut telah mendapat pengiktirafan halal dengan berlangsungnya peletakan Logo Halal di restoran berkenaan yang disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusoff, berlangsung di Restoran Hijrah, Kedai No. 8, Pekan Bangar, di sini.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian sijil halal oleh Awang Haji Abdul Aziz kepada Pengerusi Lembaga Pengarah KPBT DTB, Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Dalam pendekatan bersama media, Awang Haji Abdul Aziz menjelaskan pengiktirafan tersebut adalah satu contoh yang baik bukan saja di daerah ini malahan juga di daerah-daerah yang lain.

Ketika ini, KHEU, jelasnya, bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi menggalakkan dan memastikan semua premis-premis membuat makanan/minuman dan restoran umum supaya mendapatkan sijil halal.

"Ini adalah penting bagi menjamin kemaslahatan orang ramai dan juga memberi manfaat kepada premis-premis itu sendiri yang telah mendapatkan sijil halal," ujarnya.

Dengan adanya sijil halal tersebut orang ramai, jelasnya, akan mendapat jaminan kehalalan sesuatu makanan, manakala bagi para pengusaha pula setentunya akan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusoff semasa menyampaikan peletakan Sijil Logo Halal.

mendapat manfaat yang mana perniagaan mereka, insya-Allah akan lebih berkembang dan lebih ramai lagi pengunjung yang akan datang ke restoran-restoran yang mendapatkan sijil halal.

Antara yang hadir dalam majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad dan Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Suhara Fadzali bin Haji Yusop.

Majlis Pemantaun Khatam Al-Qur'an 67 Kali Khatam DBM diteruskan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Majid bin Mangarshah dan Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Roslan bin Haji Tajaah semasa hadir dalam majlis berkenaan.

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

MUKIM KILANAS, Khamis, 23 Mei. - Seramai 268 peserta Khatam Al-Qur'an 67 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundangan Mukim dan Kampung (MPMK) Seluruh Negara Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67 khusus bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) berkumpul bagi meneruskan pembacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an dalam satu majlis yang berlangsung di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Kampung Kilanas, di sini.

Majlis dihadiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Dato Paduka Awang Haji Abdul Majid bin Mangarshah yang juga menyertai bacaan Al-Qur'an.

Hadir sama ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis

Mesyuarat Negara, Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, pegawai-pegawai kanan, para penghulu, ketua-ketua kampung dan ketua-ketua cawangan serta ahli-ahli takmir masjid.

Acara yang dimulakan sejour selepas menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah itu dibahagikan mengikut kategori masing-masing iaitu 67 dewasa lelaki, 67 dewasa wanita, 67 belia lelaki dan 67 beliawanis.

Jabatan Daerah Brunei dan Muara (DBM) telah pun menyusun penjadualan bagi pemantauan ini yang mana setiap bulan para peserta akan membaca Al-Qur'an di bawah tadahan masjid masing-masing setiap hari Rabu, di samping perkumpulan semua peserta di masjid berkenaan sebulan sekali pada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan sejak bulan Mac lalu.

188 peserta sertai muzakarah haji

Berita dan Foto :
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Mei. - Semua peserta Muzakarah Haji Bagi Musim Haji Tahun 1434 Hijriah/2013 Masihi diseru akan dapat memperoleh ilmu yang bermanfaat daripada para pembentang kertas kerja muzakarah berkenaan yang terdiri daripada orang yang berkemahiran dalam bidang keagamaan dan mempunyai pengalaman yang luas dalam hal-ehwal ibadat haji untuk disampaikan kepada bakal-bakal jemaah haji ketika kursus nanti.

Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Johar bin Muhamad menjelaskan perkara tersebut selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Muzakarah berkenaan yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah, Berakas, di sini.

Di samping itu, beliau seterusnya berharap supaya Jabatan Urusan Haji, KHEU akan meneruskan lagi usaha-usaha seumpamanya pada masa-masa akan datang dalam menyebarkan ilmu yang berkaitan dengan ibadat haji.

Pada majlis tersebut, pembacaan resolusi telah disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Urusan Haji, KHEU, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohamad.

Tetamu kehormat majlis menyempurnakan penyampaian sijil kepada 188 peserta yang terdiri daripada guru-guru pengkursus haji, pegawai dan kakitangan KHEU, syarikat-syarikat pengendali haji dan pegawai-pegawai perubatan haji Kementerian Kesihatan yang menyertai muzakarah berkenaan.

Pada muzakarah selama sehari itu, satu pembentangan Kertas Kerja Perdana yang bertajuk 'Amalan-Amalan Haji Di Padang Arafah' telah disampaikan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Jabatan Perdana Menteri, Yang Arif Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Baki.

Manakala tiga pembentangan kertas



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Johar bin Muhamad ketika menyampaikan sijil pada Majlis Penutup Muzakarah Haji.

kerja turut dibentangkan iaitu Kertas Kerja 'Suasana dan Keadaan Terkini Di Tanah Suci' yang dibentangkan oleh Pemangku Pengarah Urusan Haji, Jabatan Urusan Haji, KHEU, Awang Haji Abdul Kahar bin Haji Hussin; Kertas Kerja 'Falsafah dan Penghayatan Ibadat Haji' dibentangkan oleh mantan Ketua Bahagian Kemajuan Syiar Islam, KHEU, Awang Haji Mail bin Haji Besar; dan Kertas Kerja 'Permasalahan Wanita dan Jalan Penyelesaiannya' yang dibentangkan oleh mantan Penolong Pengarah, Jabatan Pengajian Islam, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani.

Sementara itu, kursus-kursus ibadat bagi bakal jemaah haji bagi tahun 1434 Hijriah/2013 Masihi dijangka akan bermula pada 2 Jun 2013 yang akan diadakan selama 10 minggu berturut-turut setiap hari Ahad dan Jumaat di seluruh negara.

Antara lain tujuan muzakarah diadakan ialah bagi meningkatkan keberkesanan bimbingan ibadat haji, di samping untuk memberikan pemahaman yang cukup kepada pengkursus haji untuk disampaikan kepada bakal-bakal jemaah haji di seluruh negara.

Juga hadir ialah pengarah-pengarah, penolong-penolong pengarah dan pegawai-pegawai kanan KHEU dan pengarah-pengarah urusan pengendali pakej haji.

Wanita bangsa Filipina memeluk Islam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Mei. - Seorang wanita berbangsa Filipina memeluk agama Islam setelah melafazkan dua kalimah syahadat dan ikrar pengakuan pengislamannya.

Majlis Pengislaman Rowena S. Macial disaksikan oleh pegawai-pegawai dari Unit Pengislaman dan Bimbingan Saudara Baru, Pusat Da'wah Islamiah, berlangsung di Masjid Pengiran Muda Abdul Mateen, Kampung Mulaut, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah isteri Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Norliana binti Haji Mohd. Arif Lim.

Rowena S. Macial memilih nama Islamnya sebagai Dayang Nur Zulaikha Marcial binti Abdullah ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI menjelaskan, hasratnya ingin memeluk agama Islam sudah lama dihatinya.

Jelasnya, keinginannya untuk menjadi Islam sebenar telah timbul dari naluri hatinya kerana baginya Islam merupakan agama yang indah dan suci.

Beliau yang berumur 33 tahun ini



MAJLIS Pengislaman Rowena S. Macial disaksikan oleh pegawai-pegawai dari Unit Pengislaman dan Bimbingan Saudara Baru, Pusat Da'wah Islamiah.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

bekerja di Hua Ho Department Store dan sudah hampir 10 tahun berada di Negara Brunei Darussalam.

Majlis juga diserikan dengan

bacaan Dikir Marhaban oleh pendikir masjid berkenaan dan menabur bunga rampai kepada saudara baru yang diraikan.

Peserta Kursus Asas Dalam Perkhidmatan Kanak-Kanak terima sijil

Oleh : Abdullah Asgar

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Mei. - Kursus Asas Dalam Perkhidmatan Kanak-Kanak (Foundation Course In Children's Services) dapat mengetahui ilmu dan kemahiran asas terhadap pemedulian awal kanak-kanak melalui pendedahan ilmu dan amalan terbaik.

Selain itu ia juga sebagai inisiatif bagi meningkatkan kapasiti dan kompetensi para peserta guru swasta ke arah menyahut strategi-strategi Kementerian Pendidikan untuk mendukung Wawasan Negara 2035.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan Swasta, Pengiran Othman bin Pengiran Mohamed Daud dalam ucapan alu-aluannya dalam Majlis Penyampaian Sijil Kursus Asas

Dalam Perkhidmatan Kanak-Kanak, di Dewan Utama, Jabatan Perkembangan Kurikulum, di sini.

Kursus tersebut, katanya, bertujuan untuk meningkatkan kapasiti dan kompetensi guru khususnya guru-guru mengajar di sekolah-sekolah swasta yang hanya mempunyai kelayakan minima.

Menurutnya, Bahagian Pendidikan Swasta berharap inisiatif tersebut akan diteruskan pada masa akan datang kerana ramai lagi pembantu guru-guru yang berkelayakan minima berhasrat menyertai kursus seumpama itu.

Hadir menyampaikan sijil kursus ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman

yang juga disaksikan oleh Timbalannya, Awang Suhaila bin Haji Karim.

Kursus selama 10 minggu yang bermula dari 9 April hingga 11 Jun tahun lalu dianjurkan oleh Bahagian Pendidikan Swasta dan dikendalikan oleh Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) di bawah bimbingan Penolong Pengetuannya, Puan Sheila Crocker.

Dalam majlis ini seramai 16 guru dari sekolah swasta seluruh negara menerima sijil masing-masing daripada tetamu kehormat.

Terdahulu pengendali kursus telah menyampaikan laporan kursus yang disusuli dengan tayangan slaid mengenai kursus yang dijalankan.

Semasa berkursus para peserta juga menjalani penempatan kerja di Kelas Tadika ISB, di samping berpeluang bertukar-tukar pandangan dan pengalaman bersama guru-guru swasta lain tentang pemedulian kanak-kanak pada peringkat awal.



PENOLONG Pengarah Bahagian Pendidikan Swasta, Pengiran Othman bin Pengiran Mohamed Daud semasa menyampaikan Sijil Kursus Asas Dalam Perkhidmatan Kanak-Kanak kepada peserta yang mengikuti kursus berkenaan.

Mengasuh bakat pelajar dalam bidang hafalan



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Azis bin Haji Nayan menyampaikan hadiah kepada juara Peraduan Menghafaz Ayat-Ayat Lazim Bagi Sekolah-Sekolah Rendah Peringkat Akhir Kawasan Brunei III Bagi Kategori Lelaki, Awang Ahmad Ridwan Azzawani bin Haji Mohd. Lubis dari Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut (SRBSB) (kiri) dan juara bagi Kategori Perempuan, Dayang Majdah Al-Zahara binti Zawawi dari SRBSB (kanan).



Oleh : Aimi Sani

Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Mei. - Awang Ahmad Ridwan Azzawani bin Haji Mohd. Lubis dan Dayang Majdah Al-Zahara binti Zawawi mewakili Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut menjuarai Peraduan Menghafaz Ayat-Ayat Lazim masing-masing bagi peserta lelaki dan perempuan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan menyampaikan sijil kepada para peserta ialah Pegawai Tugas-Tugas Khas, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Azis bin Haji Nayan.

Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah diikuti ucapan alu-aluan daripada Guru Besar Sekolah Rendah Pengiran Pekerna Setia Diraja Sahibul Bandar (SRPPSDSB), Pengiran Hajah Nor'ain binti Pengiran Haji Mohamad.

Pengiran Hajah Nor'ain berkata, sebagai aset negara dan bakal penyambung *survival* bangsa, murid-murid mesti mempunyai ilmu, berwawasan dengan arah hala tuju yang lurus kerana mereka akan berperanan dan bertanggung-

jawab sebagai penggerak dalam membangun dan memajukan negara di masa akan datang.

Menurut beliau, Al-Qur'an itu adalah ilmu yang membawa rahmat dan hidayah kepada sekalian umat manusia di dalam kehidupan dunia dan Akhirat, di samping sangat penting ke arah menjadikan bangsa itu maju kerana bangsa yang maju akan dapat membawa kesejahteraan, keselamatan dan kemakmuran kepada negara.

“Perkara asas dan utama yang patut dimiliki untuk mencapai hasrat murni ini, saya menasihatkan kepada murid-murid, supaya akan sentiasa berusaha dengan tekun, gigih dan bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu. Selain dari berilmu, murid-murid juga perlu mempunyai peribadi dan akhlak yang baik seperti berbudi bahasa, bersopan santun, jujur, amanah, bercakap benar, bertanggungjawab dan suka bekerjasama dalam perkara-perkara yang bermanfaat dan perlu menghindari perkara-perkara yang buruk, keji dan yang dilarang,” ujarnya.

Belia hari ini, tambahnya,

adalah pemimpin hari esok kerana pemimpin-pemimpin masa ini, adalah belia dan kanak-kanak masa lalu dan sudah setentunya murid-murid pada hari ini, satu hari nanti akan menjadi pemimpin pada masa akan datang.

Oleh itu, katanya, murid-murid perlu bersiap sedia dari sekarang untuk menjadi pemimpin bangsa yang berwibawa agar dapat menyumbangkan bakti kepada agama, bangsa dan negara.

Sementara itu, peraduan yang berlangsung di Dewan Serbaguna SRPPSDSB itu disertai oleh 11 buah sekolah kerajaan dan tiga buah sekolah bukan kerajaan terdiri daripada sekolah-sekolah kawasan Brunei III.

Peraduan yang dikendalikan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum itu antara lain bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman beragama dengan menghayati bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an.

Selain itu, ia juga melibatkan murid-murid dalam kegiatan yang bercorak keagamaan di samping mengasuh bakat dan kebolehan mereka dalam bidang menghafaz ayat-ayat lazim.

Para penerima pingat bersyukur, menjunjung kasih

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Mei. - Penganugerahan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-66 tahun ini merupakan pengiktirafan dan penghargaan atas khidmat bakti serta sumbangan yang diberikan oleh para pegawai dan kakitangan kerajaan.

Sempena Istiadat Pengurniaan Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) dan Pingat Kerja Lama (P.K.L) kepada 566 lagi pegawai dan kakitangan kerajaan, wakil PELITA BRUNEI sempat menemu bual beberapa penerima yang masing-masing melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Penerima P.K.L, Awang Jaya Japang yang berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) menjelaskan, beliau berasa amat bangga dan terharu kerana dianugerahkan pingat tersebut.

Menurut beliau yang sudah bekerja selama 28 tahun itu, antara kunci untuk menjadi pegawai dan kakitangan kerajaan yang baik termasuk mematuhi dan me-

nerima segala arahan yang diberikan oleh ketua bahagian.

Sementara itu, Awang Mahmud Khairi bin Haji Mahmud Besiuni dari Jabatan Perikanan, KPSSU juga menyebarkan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas pengurniaan pingat kehormatan P.K.L. itu.

“Para pegawai dan kakitangan kerajaan hendaklah sedari awal memastikan dan meningkatkan prestasi masing-masing dalam melaksanakan tugas bagi kebaikan kita pada masa akan datang dan jangan mudah terikut-ikut dengan melakukan perkara-perkara yang kurang baik,” ujarnya.

Katanya, untuk memajukan diri dalam melaksanakan tugas hendaklah berkongsi dan berbincang sesama para pegawai dan kakitangan yang lain supaya dapat bertukar pandangan antara satu sama lain.

“Syukur alhamdulillah atas anugerah Kebawah DYMM itu, kerana apa yang telah dilaksanakan semasa berkhidmat dalam jabatan selama ini dihargai,” jelas Dayang Hajah Amit binti Haji Limbang yang berkhidmat di Jabatan Bandaran, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Penerima P.I.K.B itu juga menyatakan, mutu kerja yang

baik itu bergantung kepada kerajinan dalam melaksanakan tugas, di samping mengikut peraturan yang ditetapkan serta ikhlas dalam melaksanakan tugas yang diberikan.

Beliau percaya jika para pegawai dan kakitangan melakukan sesuatu pekerjaan dengan ikhlas dan sabar mungkin suatu hari nanti ada hikmahnya tersendiri.

Manakala Dayang Normawarni binti Mohd Janai dari Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Dayang Norhafizah binti Haji Hamidun dari Jabatan Majlis Ugama Islam, KHEU pula masing-masing menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas P.I.K.B yang dianugerahkan kepada mereka.

Dayang Normawarni berpendapat, ini merupakan satu penghargaan yang menjadi bukti kepada penerima atas jasa bakti mereka dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan memberi komitmen yang baik tanpa mengira masa bekerja.

“Kita selaku pegawai dan kakitangan kerajaan juga seharusnya mengikut etika kerja yang diberikan sebagai garis pandu dalam melaksanakan kerja harian kita dan yang penting adalah disiplin kita bekerja dalam melaksanakan tanggungjawab itu supaya dapat dilaksanakan sebaik mungkin,” tambah Dayang Norhafizah.



AWANG Jaya Japang dari Jabatan Pertanian menerima Pingat Kerja Lama (PKL).



AWANG Mahmud Khairi bin Haji Mahmud Besiuni dari Jabatan Perikanan menerima Pingat Kerja Lama (PKL).



DAYANG Hajah Amit binti Haji Limbang dari Jabatan Bandaran menerima Pingat Indah Kerja Baik (PIKB).

سروا سوتي

أولغتاھون أغکاتن برسنجات دراج بروني

دان إيغتلہ کتيك نبي إبراهيم بردعاء دغن بركات: " يا توهنكو!
جاديكئلہ نكري مکه اين نكري يغ امان دامی دان کرنياکئلہ رزقي دري
برياکي جنيس بواه ۲هـن کفد فندودوقن، يلايت باکي سياف دانتارا مريک يغ
برلمان کفد الله دان هاري أخيرة. الله برفرمان: " فرموهون مو اکو ترما تتاي
سسياف يغ کفور ليغکار مک اکو اکن بري جوک دي منعماتي رزقي ايت
باکي سمئارا وقت دنيا، کمدين اکو ممقساں دغن مبيرتن کعذاب نراک. دان
ايتله سبوروق ۲ تمقه کمبالي.

اد فون دانتارا فيهق يغ برتغکوغجواب منجاک کامانن نکارا اين اياله
أغکاتن برسنجات دراج بروني يغ مراعيکن أولغتاھون يغ ک- ۵۲ قد تاهون
اين. سباکي رعية دان فندودوق يغ برتغکوغجواب، سواجرن کيت سام ۲
مغهرکاي دان تيدق ملوفاکن جاس دان فغوربانن يغ تله دلاکوکن اوله
سلوروه أغکوئا أغکاتن برسنجات دراج بروني باکي ممستيکن کسلامتن دان
کدولتن نکارا سنتياس ترفليهارا. جسترو، ماريله کيت دغن فنوه راس رنده
ديري دان تواضع ممنحتکن دعاء کحضرة الهی أکر سلوروه أغکوئا أغکاتن
برسنجات دراج بروني اکن سنتياس ترفليهارا دري سبارغ کبوروقن دان
بنجان. سموک أغکوئا أغکاتن برسنجات يغ سغکوف برقربان دمي منجاري
کريضان الله سبحانه وتعالى ترماسوق دالم کولوغن مريک يغ مندافة فوجين
دان کاسيه سايع الله سبحانه وتعالى سباکيمان يغ ترکندوغ دالم فرمان الله
سبحانه وتعالى دالم سورة التوبة آية ۱۱۱: تفسيرن:

سسغکوھن الله مبلي درفد اورغ ۲ برلمان، جيوا دان هرتا بندا
مريک دغن مغورنياکن باکي مريک شرک دسبيکن مريک برفرغ قد
جالن الله لالو مريک ممبونه دان تربونه.

أغکاتن برسنجات اداله بينتيغ فرتاهنن نکارا دان فليندوغ
مشاركة. مک أغکوئا أغکاتن برسنجات هاروس مميليکي کترمقيلن يغ
ميقينکن سرت مميليکي تيغکهلأکو يغ ترفوجي. مريک جوک فرلو
مميليکي صفة کقيمقيلن يغ بروياوا دالم فغوروسن، اين اکن دافة
مننتوکن فنجافين يغ تيغکي دان سيستميتک. ماله فندکتن کقيمقيلن يغ
برکسن اکن ممفو ممشرکاس سماغة جواغ أغکوئا أغکاتن برسنجات
انتوق برقربان دمي اکام دان نکارا.

أخيرن، سام ۲له کيت بردعاء أکر سلوروه أغکوئا أغکاتن
برسنجات دراج بروني سرت کيت سموا اکن سنتياس برأوسها
مقرتيغکتکن کلپمانن دان سنتياس برتوکل کفد الله سبحانه وتعالى سرت
برخدمة دغن فنوه إخلاص دان أمانه. مدهمداھن اکام، بغسا دان نکارا
کيت اکن سنتياس ترفليهارا سرت مندافة فرليندوغن الله سبحانه وتعالى.
آمين يا رب العالمين. تفسيرن:

واهي اورغ ۲ يغ برلمان! افبيل کامو برفرغ دغن فاسوکن
(موسى) مک هندقله کامو تتف تکوه معهادفين، دان برذکرله مغايغة
الله دغن بردعاء بايق ۲ سقاي کامو برأوله کمغنن. { سورة الأنفال آية: ۴۵ }

ماريله کيت مينغکتکن کتقوان کيت کفد الله سبحانه وتعالى دغن فنوه
کيقينن دان کإخلاصن دغن ملاکوکن سکل سوروهنن دان مينغکتکن سکل
لاراغتن. مدهمداھن کيت منجادي إنسان يغ برتقوى دان برلمان سرت سلامة
ددنيا دان سلامة دآخرة.

الحمدلله، کيت برشکور کحضرة الله سبحانه وتعالى کران مغورنياکن
کامانن دان کمعموران کفد نکارا کيت. کامانن اداله نعمة کرنیان الله
سبحانه وتعالى يغ أمة برهرك. دغن ادان کامانن، رعية دافة هيذوف دغن
سليسا، تيدق اد هورو هارا دان ککاجاوان، منکلا کماجوان قول دافة دجانا
دان کسلامتن دافة دراس. جسترو، کامانن ايت ساعة فنتيغ دان برهرك باکي
سسبواه نکارا.

سسغکوھن أنکره کامانن دان کهمومونن نکارا يغ کيت نعمتي اين
فرلوه دشکوري دان دفرتاهنکن اوله سلوروه رعية دان فندودوق. برشکور
أتس سکل نعمة کرنیان الله سبحانه وتعالى اداله دغن مماتوهي دان ملقسناکن
سموا فريتنه الله سبحانه وتعالى سرت مينغکتکن سکل لاراغتن. اين سسواي
دغن فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة الأنعام آية ۸۲: تفسيرن:

اورغ ۲ يغ برلمان دان تيدق منجمفور أدوقکن لمان مريک دغن
کظاليمن (شريک)، مريک ايتله اورغ ۲ يغ مندافة کامانن درفد بنجان دان
مريک مندافة هدايه.

دستمقيغ مماتوهي فريتنه الله سبحانه وتعالى دان منجاوهي لاراغتن، کيت
جوک هندقله منطاعتي فرليکان، اوندغ ۲ دان فرأتورن نکارا کران فرکارا اين
جوک ميوميغ کفد کامانن نکارا. اوله يغ دمکين، جاغئلہ کيت منجادي
اورغيغ تيدق برشکور دغن نعمة کامانن يغ تله دکرنياکن اوله الله سبحانه
وتعالى. اد فون تندا اورغيغ تيدق برشکور إياله مينغکتکن فريتنه الله سبحانه
وتعالى دالم کهيدوقن سهارين. منکلا تکهن شرع قول تيدق سکن سيلو
دلاکوکن سقرت مينغکتکن سمبيغ، تيدق فواس، منددهکن عورة، فرکاولن
بييس، زنا، فمبواغن ألق دان برماجم ۲ لاکي. سسغکوھن مغايباينک تنتوتن
اکام اکن منيمبولکن فلپاکي أنجامن کفد کسلامتن نکارا. حال اين دفرليکتکن
اوله الله سبحانه وتعالى دالم سورة الأعراف آية ۹۷-۹۸: تفسيرن:

مک ادکه فندودوق سسبواه نكري ايت مراس امان درفد داتغن سيقسا
کامي کاتس مريک فد مالم هاري سماس مريک سدغ تيدور؟ اتو اداکه
فندودوق سسبواه نكري ايت مراس امان درفد داتغن سيقسا کامي کاتس
مريک فد وقت ضحی (متھاري نايک) سماس مريک سدغ ليکا برماين؟

آية ۲ ترسيوت منجلسکن بهوا الله سبحانه وتعالى اکن منداتفکن
کسوسهن دان بنجان کفد سسبواه نکارا يغ فندودوقن مغايغکاری دان
مغايباين فريتنه برأکام. فرلو دايغة بهوا روتوهن غمادون أومة ۲ تردهولو
سقرت قوم عاد، غود دان فرعون اداله کران ککفوران دان کفاسقن.

اوله کران فنتيغن کامانن دالم کهيدوقن، مک نبي إبراهيم عليه السلام
فرنه بردعاء کحضرة الله سبحانه وتعالى کتيك فمبوکان کوتا مکه سباکي
فوسة عبادة دان تانه سوحي. بکندا بردعاء أکر بومي مکه دکرنياکن دغن
کامانن دان کمعموران، سباکيمان فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة البقرة
آية ۱۲۶: تفسيرن:

Pengurniaan pingat kehormatan tanda penghargaan negara

Oleh : Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad
Foto : Jabatan Penerangan

PENGURNIAAN Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam merupakan satu pengiktirafan yang cukup bermakna kepada kesemua penerima yang mana ianya adalah satu penghargaan yang amat berharga di atas pengorbanan, kecekalan dan menabur khidmat bakti kepada negara yang diberikan dan menjadi bukti dalam menjalankan tugas-tugas dengan jujur seperti yang diarahkan serta diamanahkan.

Rata-ratanya para penerima pingat masing-masing menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan riyak wajah mereka jelas menunjukkan penuh dengan perasaan kegembiraan serta bersyukur atas pengiktirafan tersebut memandangkan mereka sudah lama berkhidmat di negara ini.

Dengan pengurniaan tersebut juga menunjukkan segala pekerjaan dan tugas yang telah dilaksanakan semasa berkhidmat di mana-mana jabatan dihargai oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan menjadi bukti atas jasa bakti mereka kepada raja, kerajaan dan tugas yang diamanahkan dengan memberikan komitmen yang jitu tanpa mengerti erti penat lelah.

Bukan itu sahaja, ianya dapat menyuntik dan membakar semangat lagi kepada jiwa para warga kerja di sektor kerajaan ataupun swasta sama ada yang sudah lama mahupun baru berkhidmat.

Ini bererti, pengiktirafan pengurniaan pingat itu juga bukan tertakluk

kepada sesuatu bidang pekerjaan sahaja, malah dalam bahagian kurikulum seperti dalam bidang sukan juga diberi pengiktirafan, seperti pasukan bola sepak negara bawah 21 tahun yang menjuarai Trofi Hassanah Bolkiah dan mengharumkan nama negara di serantau ASEAN suatu ketika dahulu.

Untuk mencapai kepada pengurniaan pingat-pingat kehormatan tersebut, setiap pegawai dan kakitangan kerajaan mahupun swasta hendaklah mempunyai sikap yang baik serta berdedikasi, di samping itu juga mematuhi dan menerima segala arahan yang diberikan oleh ketua bahagian masing-masing.

Mereka hendaklah sedari awal memastikan peningkatan mutu prestasi kerja masing-masing dalam menjalankan sesuatu tugas demi kebaikan untuk masa akan datang.

Selain itu, kita juga boleh suarakan apa saja pendapat serta berkongsi dan mengadakan perbincangan sesama sendiri untuk mendapatkan pandangan-pandangan yang berlainan, semata-mata untuk mencapai kepada kemajuan pelaksanaan tugas tersebut.

Mutu kerja yang baik juga tergantung kepada ketekunan dalam menjalankan tugas serta mengikut segala undang-undang yang sudah ditetapkan. Di samping itu juga, keikhlasan dan kesabaran juga perlu ada dalam hati sanubari setiap warga kerja dan percaya kepada ketentuan ilahi kerana ianya mempunyai hikmah yang tersirat dan tersendiri serta akan mendapat ganjaran setimpal atas kejujuran tersebut pada



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada seorang pemain bola sepak negara ketika menjuarai Hassanah Bolkiah Trophy (HBT) yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

masa akan datang.

Apa yang lebih penting lagi, setiap warga kerja hendaklah komited dan mengikut segala peraturan, disiplin dan etika kerja sebagai garis panduan dan ukuran dalam menjalankan tugas seharian agar ianya dilaksanakan sebaik mungkin.

Justeru itu juga, semua warga kerja yang ada di negara ini diharapkan untuk menumpukan

segala perhatian dalam bidang pekerjaan masing-masing dan memotivasikan diri masing-masing serta mendorong semangat generasi lama dan muda untuk bekerja lebih baik dan lebih berjaya lagi.

Tambahan lagi, pengurniaan tersebut juga mendorong kepada sesiapa saja untuk berkhidmat lebih cemerlang serta jujur, amanah dan sama-sama menanai serta membangun bangsa, agama dan negara.

Warga kerja juga disarankan untuk berusaha lebih gigih lagi serta menanam azam agar mempertingkatkan lagi produktiviti, kredibiliti, kreativiti, iltizam dan disiplin serta menjadikan negara ini terus maju sesuai dengan kehendak dan hasrat Kebawah DYMM untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah Negara Zikir.

Kriteria Pingat-Pingat Kehormatan Negara :

- Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K) ; Pingat ini dikurniakan kepada seseorang yang telah menyumbangkan khidmat dan telah menunjukkan perkhidmatan taat, setia dan berbakti kepada negara dalam apa jua lapangan sekalipun.

- Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) : Pingat ini dikurniakan kepada seseorang yang mempunyai rekod yang bersih dalam semua perkhidmatan dengan Kerajaan Kebawah DYMM dan mempunyai penilaian prestasi tiga tahun kebelakangan sekurang-kurangnya pada tahap sangat baik.

- Pingat Kerja Lama (P.K.L) : Pingat ini dikurniakan kepada seseorang yang terdiri daripada mereka yang berkhidmat selama 20 tahun atau lebih, para penerima pingat tersebut juga antara lain perlu memiliki rekod yang bersih dalam aspek-aspek keselamatan negara.



PENGURNIAAN pingat-pingat kehormatan tersebut menunjukkan segala pekerjaan dan tugas yang telah dilaksanakan semasa berkhidmat di mana-mana jabatan dihargai oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



PINGAT Indah Kerja Baik (P.I.K.B) dan Pingat Kerja Lama (P.K.L) mempunyai lambang dan ciri-ciri unik yang tertera pada pingat tersebut.



Berkenan kurniakan Watikah dan Surat Tauliah Pelantikan

Dari muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada

dua orang Ketua Perwakilan luar negeri yang baru ke Negara Brunei Darussalam iaitu bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Arab Mesir, TYT Mohamed Saad Ibrahim

Ebeid dan bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Korea, TYT Jang Yong Chol. Majlis tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.



Menerima mengadap Duta, Pesuruhjaya dan Perwakilan Asing yang baru

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar,
Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap secara berasingan Duta-duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik dan dua orang Duta Besar Istimewa dan Mutlak dari Republik Arab Mesir ke Negara Brunei Darussalam dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Korea ke Negara Brunei Darussalam yang baru.

Majlis Mengadap berlangsung sejurus Majlis Mengurniakan Watikah-Watikah Pelantikan dan Menerima Surat-Surat Tauliah Pelantikan di Istana Nurul Iman.

Kebawah DYMM mula-mula berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, berusia 66 tahun dan sebelum ini berkhidmat sebagai Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Jordan. Seterusnya baginda berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, TYT Haji Awang Saiful Bahri bin Haji Mansor, 47 tahun dan sebelum ini telah berkhidmat sebagai Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan.

Kemudiannya, baginda berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Emiriah Arab Bersatu, TYT Awang Haji Mohd. Yusra bin Haji Mohd. Salleh, 42 tahun dan



pernah berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah di Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Baginda seterusnya berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Australia, TYT Awang Haji Zakaria bin Haji Ahmad, 52 tahun. Sebelum ini, TYT berkhidmat sebagai Pegawai Pentadbir Kanan, Jabatan Perdana Menteri.

Akhir sekali, baginda berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Pakistan, TYT Kolonel (B) Haji Ra'emi Maleek bin Haji Abdul Wahab, 59 tahun dan pernah berkhidmat sebagai Pengarah di Kementerian Pertahanan.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan menerima mengadap secara berasingan dua orang Duta Besar Istimewa dan Mutlak yang baru menyebarkan Surat Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis baginda yang diaduhului oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Arab Mesir ke

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap dan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan dua orang Duta Besar Istimewa dan Mutlak yang baru menyebarkan Surat-surat Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis baginda yang diaduhului oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Arab Mesir ke Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap, Tuan Yang Terutama Mohamed Saad Ibrahim Ebeid dan diikuti oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Korea ke Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap, Tuan Yang Terutama Jang Yong Chol (atas dan bawah).

Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap, TYT Mohamed Saad Ibrahim Ebeid dan diikuti oleh Duta Besar dan Mutlak Republik Demokratik

Rakyat Korea ke Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap, TYT Jang Yong Chol. TYT Mohamed Saad Ibrahim Ebeid, 59 tahun, pernah

berkhidmat sebagai Penolong Menteri dan Pengarah bagi Institut Pengajian Diplomatik, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Republik Arab Mesir,

sementara TYT Jang Yong Chol, 49 tahun juga berkhidmat sebagai Duta Besar Republik Demokratik Rakyat Korea ke Malaysia.

TYT Mohamed Saad Ibrahim Ebeid dan TYT Jang Yong Chol beribu pejabat di Kuala Lumpur, Malaysia.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan Watikah-watikah Pelantikan kepada bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; bakal Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Haji Awang Saiful Bahri bin Haji Awang Mansor; bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Emiriah Arab Bersatu, Tuan Yang Terutama Awang Haji Mohd. Yusra bin Haji Mohd. Salleh; bakal Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Australia, Tuan Yang Terutama Awang Haji Zakaria bin Haji Ahmad dan bakal Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Kolonel (B) Haji Ra'emi Maleek bin Haji Abdul Wahab (atas kiri dan kiri).



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**IKLAN JAWATAN KOSONG
'SITE STAFF'
DI JABATAN KERJA RAYA (JKR)
(HEALTH SAFETY AND
ENVIRONMENT SECTION (HSE),
DEPARTMENT OF ADMINISTRATION
AND FINANCE, JKR)**

**REFERENCE : 01/2013/HSE
ADVERTISEMENT DATE :
25th MAY 2013 (SATURDAY)
CLOSING DATE : 5th JUNE 2013
(WEDNESDAY)
VACANCY : ONE (1)**

**CLERK OF WORKS - C.O.W
(HSE OFFICER) 1 position**

**Salary scale : Division II
(Starting salary BND 2,205) : Division III
(Starting salary BND1,980)**

Requirements :

Division II : Holder of Recognised Degree qualification in Engineering / Construction / Occupational Health & Safety / other related HSE discipline.
: At least **five (5) years** working experience in the related field
: Minimum three (3) years working experience

in at least a supervisory role in managing Occupational Health And Safety or Environmental related work

Division III : Minimum Holder of Higher National Diploma in Engineering / Construction / Occupational Health & Safety / other related HSE discipline.

: At least **three (3) years** working experience in related field

Must possess NEBOSH International General Certificate in Occupational Health and Safety.

General Eligibility Requirements :

All applications MUST HAVE the following additional general eligibility criteria ;

- Must be able communicate well in the English language and Malay language (both oral and written)
- Must be proficient in working with Microsoft Office software programs, particularly in Microsoft Words and Excel
- Must be able to organize and leads a team-oriented work environment.
- Possess good planning acumen and have the discipline of being a very organized persons.
- Possess good notes taking skills, as well as ability to produce good work reports.
- Possess strong discipline in meeting deadlines.

dlines.

NOTE :

Successful candidates for the above positions must also pass the following, before their employment with the Health Safety And Environment Section (HSE) is Confirmed:

- Physical health and medical fitness test.

Responsibilities

- Carry out risk assessment to identify the presence of any potential hazard in the permanent and temporary works to be carried out and recommend a safe working method.
- Investigate accidents at work site, submit investigation reports and recommend corrective actions.
- Ensure that the provision of project safety requirements and PWD construction Site Safety Standards are adhered to.
- Organise and lead the Safety Committee.
- Ensure all safety policy, control and monitoring procedures are followed strictly by contractors and subcontractors.
- Responsible for the preparation, periodic review and update of guidelines and procedures relating to work safety.
- Responsible for department policy planning, review and implementation, including compliance to health and safety guidelines as well as environmental protection plan.
- Be the resource person as well as focal person for all necessary work coordination with other functional departments.

9) To enforce the stipulation of Safety Manual.

10) To be the focal point for all safety matters

11) To inspect and prepare Safety Audit Reports.

12) Advise on safety procedure in minimizing risk if injury to persons or damage to plant, machinery, equipment and property.

13) Advise on all legal changes on developments and recommend precautions.

14) Promote safety awareness throughout the organisation.

15) Distribute literature and information on personal protective equipment and apparatus and safe working methods.

Interested applicants are required to write in, stating the advertisement number (reference) and submit their resumes together with :

- One recent colour passport size photographs (non-returnable) ; AND
- Photocopy of identity card; AND
- Photocopy of only relevant academic, vocational and/or professional certificates

**To:
Department of Administration
and Finance
First Floor
(Health Safety and Environment Section)
Public Work Department Headquarter
Building Old Airport Berakas, BB3510**
Only shortlisted applicants shall be notified.
Shortlisted applicants will be required to attend an interview in BSB at their own expense.



**JABATAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ANTARBANGSA
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN**

**JAWATAN KOSONG
DI SEKRETARIAT KOMANWEL**

1. Jawatan :
Head of Conference Section
Jabatan :
Corporate Service Division
Penempatan : **London, United Kingdom**
Tarikh Tutup : 31 Mei 2013
2. Jawatan :
Communications Adviser
Jabatan :
Communications & Public Affairs

Division (CPAD)
Penempatan : **London, United Kingdom**
Tarikh Tutup : 3 Jun 2013
3. Jawatan :
Communications Officer
Jabatan :
Communications & Public Affairs
Division (CPAD)
Penempatan :
**6. PEMBANTU KESIHATAN
JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
D.4 - 5 (\$1,225 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1**



BIRO MENCEGAH RASUAH JABATAN PERDANA MENTERI

TAJUK TAWARAN : PROPOSED UPGRADING TO MALE DAN FEMALE TOILETS OF MULTI-PURPOSED HALL TO ACB BILANGAN TAWARAN: BMR/SH/1/2013

Syarat-Syarat Tawaran :

Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat-Syarikat yang berkelayakan serta mempunyai Sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan (Certificate of Registration Business Names Act) yang sah.

Syarikat yang berhasrat untuk mengikuti tawaran ini dikenakan bayaran bagi setiap pengambilan 1 (satu) Borang Tawaran atau Dokumen Tawaran sebanyak **BND10 (Sepuluh Ringgit Sahaja)** dan hendaklah membuat pembayaran di **Bahagian Kewangan, Biro Mencegah Rasuah** pada waktu-waktu bekerja biasa dan salinan resit hendaklah disertakan semasa menghantar tawaran. Wang borang tawaran atau Dokumen Tawaran tidak akan di kembalikan dan akan menjadi hak milik kerajaan.

Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed)

dengan menyatakan Tajuk dan Bilangan Tawaran tanpa menunjukkan identiti penawar.

Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran kepada Alamat seperti berikut:-

**Ibu Pejabat Biro Mencegah Rasuah,
Lapangan Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam
(tidak lewat dari jam 2.00 petang,
hari Selasa, 18 Jun 2013).**

Tawaran yang diterima lewat dari tarikh masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

Syarikat-Syarikat yang berhajat boleh mendapatkan keterangan-keterangan lanjut berhubung dengan tawaran berkenaan di **Bahagian Kewangan, Jabatan Biro Mencegah Rasuah Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam** pada waktu bekerja biasa.

Tawaran mestilah di hantar dengan menggunakan borang-borang yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran sama ada yang rendah atau lain-lain tawaran.



PERANCANG BANDAR DAN DESA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

JUALAN LELONG BAGI PENGHAPUSAN DARI KIRA-KIRA SECARA TAWARAN AWAM (SEBUT HARGA) Jualan lelong secara tawaran awam, (sebut harga) bagi 15 unit pemadam api

KETERANGAN

**1 Pemadam Api jenis 4.5 kg
Dry Powder**

KUANTITI

15 unit

TARIKH, MASA DAN TEMPAT MELIHAT

Tarikh : 8 Jun 2013

Waktu : 2.00 petang

Tempat :

Tingkat 2

**Jabatan Perancang
Bandar dan Desa,
Lapangan Terbang Lama,
Bandar Seri Begawan**

Negara Brunei Darussalam

Syarat-syarat Tawaran Lelong Awam :

1. Tawaran adalah dibukakan kepada orang ramai
2. Orang ramai yang hendak ikut serta dalam tawaran secara sebut harga ini hendaklah menggunakan borang yang telah disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang boleh diperolehi di Tingkat 2, Bahagian Pentadbiran, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Lapangan Terbang Lama, Bandar Seri Begawan.
3. Hanya pembeli yang berjaya dalam tawaran sebut harga ini akan dihubungi untuk urusan seterusnya.
4. Tawaran awam secara sebut harga yang berjaya dinilai berdasarkan kepada harga tawaran yang tertinggi.
5. Pembeli yang berjaya dikehendaki untuk membayar secara TUNAI dan seterusnya dikehendaki memindahkan peralatan berkenaan tidak lewat tiga (3) hari dari tarikh pembayaran.



JABATAN PERLABUHAN KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

PART 1 TENDER DOCUMENT TENDER FOR REPAIRED WORKS WATER PROOFING AND REPAINTING MAIN ROOF, DOWN INCLUDING REPAIRING / REPLACE DAMAGE CEILING BOARD AT TERMINAL JETTY PASSANGER SERASA MUARA, PORTS DEPARTMENT

JP/T8/2013-2014 INVITATION TO BID

1. Tenderer are invited from Class III & IV with relevant category (B01 and or KPB02).
2. Tender Documents can be obtained from:

Tender and Quotations Unit 2nd Floor,

**Head Quarters Building,
Ports Department
Ministry of Communications,
Muara BT 1728
Negara Brunei Darussalam.**

Requests for tender document should be accompanied with a non-refundable document fee of Brunei Dollars Ten only (**BND10**) in cash.

Tender Documents will be issued up to **MONDAY, 27 MAY 2013** on any working day during normal working hours:

**Monday to Thursday : 8.00 until 11.00 am
& 1.30 until 2.30 pm**

**And Saturday : 8.00 until 10.00 am
TENDERS BOND / BANK GUARANTEE**

3. Tender should be accompanied by tender

bond in the form of the Bank Guarantee, which not be less than 20% of the total tender price and valid for 30 days beyond the bid validity. Any tender which is not accompanied by an acceptable. Tender Bond Bank Guarantee and not identified with each tender, will be rejected as non-responsive.

The Tender Bond / Bank Guarantee of the successful Tendered will be returned promptly, after he provides as acceptable performance Bond.

Tender Bonds will be returned to the unsuccessful bidder as soon as possible, upon award of tender, but in any event not later than 30 days after the expiration of the period of Tender validity.

TIME & PLACE FOR SUBMISSION OF TENDERS

4. The tender (s) must be sent in a sealed, plain envelope with the following requirements: -

- (a) TENDER FOR REPAIRED WORKS

**WATER PROOFING AND REPAINTING
MAIN ROOF, DOWN INCLUDIN REPAIRING / REPLACE DAMAGE CEILING BOARD AT TERMINAL JETTY PAS-SANGER SERASA MUARA, PORTS DEPARTMENT - JP/T8/2013-2014**

Must be clearly written on the front side of the envelope.

(b) The envelope used must NOT bare the name or logo of any company of supplier.

(c) The envelope must be addressed to: -

The Chairman

**Mini Tender Board Committee
4th Floor,**

**Ministry of Communications Building
Jalan Menteri Besar**

Negara Brunei Darussalam.

(d) The bids will be received only until **2.00 PM, TUESDAY, 4 JUNE 2013.**



JABATAN DAERAH BELAIT KEMENTERIANHAL EHWAL DALAM NEGERI

JAWATAN KOSONG SEBAGAI KETUA KAMPUNG PEKAN BELAIT MUKIM KUALA BELAIT

ADALAH dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Belait dengan sukacitanya mempelawa/menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di kawasan Kampung Pekan Belait untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisi **Jawatan Ketua Kampung Pekan Belait, Mukim Kuala Belait.**

Tanggagaji :

C1 EB2 iaitu \$1,280.00 hingga \$1,930.00

KELAYAKAN CALON KETUA KAMPUNG PEKAN BELAIT

I. Setiap calon Ketua Kampung hendaklah:-

- a. Seorang lelaki yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b. Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan pelajaran di peringkat **Tingkatan III** atau kelulusan yang sebanding dengannya.
- c. Beragama Islam dan mempunyai pengetahuan yang baik berhubungkait dengannya.
- d. Berumur tidak kurang dari 30 tahun dan tidak lebih dari 60 tahun pada tarikh pencalonannya.
- e. Bermastautin di Kampung Pekan Belait, Mukim Kuala Belait tidak kurang 2 tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya. Bermastautin adalah bermaksud bahawa calon Ketua Kampung hendaklah benar-benar

tinggal di kampung yang berkenaan dalam tempoh yang dikehendaki dimana calon itu mempunyai tempat kediaman dan mendiami tempat tersebut.

f. Tidak menjadi ahli atau terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam sebarang pertubuhan siasah yang difikirkan boleh menjejaskan kepentingan atau keselamatan negara.

g. Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedulian.

h. Tidak pernah diisytiharkan muflis di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan di negara ini dalam tempoh dua [2] tahun sebelum pencalonannya, termasuk pada tarikh pencalonan melainkan sebelum itu pengisytiharan muflis telah dibatalkan oleh mahkamah.

i. Mempunyai pengetahuan yang baik dalam agama Islam, kemasyarakatan dan adat resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat kampung berkenaan.

j. Mempunyai rekod prestasi kerja yang baik dan memuaskan bagi calon yang bekerja sama ada di pihak Swasta / Kerajaan dan hendaklah menyertakan laporan prestasi kerja bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

II. Setiap pencalonan bagi mengisi Jawatan Ketua Kampung adalah dimestikan:

- a. Mengisikan Borang Pencalonan yang disediakan khas oleh Jabatan Daerah Belait dan ditandatangani oleh seorang pencalon dan dua orang penyokong. Borang pencalonan itu

hendaklah ditandatangani oleh calon yang berkenaan sebagai pernyataan, pengakuan dan persetujuan ke atas pencalonannya itu.

b. Calon yang tidak menandatangani Borang Pencalonan tidak akan diterima sebagai calon bagi Ketua Kampung berkenaan.

c. Sebarang penarikan diri dalam pencalonan itu hendaklah dibuat secara bertulis.

III. Calon Ketua Kampung akan terlebih dahulu ditapis dari segi kelayakan.

IV. Pencalonan dan penyokong hendaklah terdiri daripada Rakyat atau Penduduk Tetap yang berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh pencalonan diadakan.

V. Pencalonan dan penyokong hendaklah terdiri daripada penduduk Kampung Pekan Belait dan tinggal bermastautin di kampung tersebut.

VI. Pencalonan dan penamaan calon atau calon-calon selepas tarikh tutup pencalonan tidak akan diterima.

VII. Seorang Ketua Kampung adalah

dilantik atas titah berkenaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

VIII. Lain-lain syarat adalah tertakluk kepada Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 [Syarat-Syarat Lantikan dan Perkhidmatan Penghulu Mukim].

Cara Memohon:-

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati di Bahagian Institusi Penghulu Mukim dan Kampung di Jabatan Daerah Belait di talian 3334335/6/7/8 ext 115 pada waktu pejabat dibuka dan hendaklah diisikan mengikut apa yang dikehendaki dalam borang tersebut dan borang yang tidak diisikan dengan lengkap tidak akan diterima.

Borang pencalonan tersebut hendaklah dikembalikan kepada Pegawai Daerah Belait tidak lewat pada **Hari Sabtu, 5 Januari 2012 jam 4.30 petang.**

BICB CAPITAL SDN BHD		
Funds Offered by BICB Capital	Unit Price (USD)	14
ALAHi Europe Trading Equity Fund	2.8498	May 2013
ALAHi US Trading Equity Fund	2.7461	
ALAHi Asia Pacific Trading Equity Fund	1.1561	
ALAHi Global Trading Equity Fund	2.5048	
ALAHi Healthcare Trading Equity Fund	1.6432	
ALAHi Small Cap Trading Equity Fund	1.5282	

****Valuation days: Mondays & Wednesdays****

The NAV reflected herewith are published for public information only. Please contact us via email at enquiries.bicbcapital@bicb-brunei.com for actual NAV subscribed.

Level 9, Ministry of Finance Building, Commonwealth Drive,
Bandar Seri Begawan, BB3910 Negara Brunei Darussalam



**DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS
KUALA BELAIT**

**DI DALAM MAHKAMAH
PEGAWAI WARIS,
KUALA BELAIT**

**SURAT KUASA PUSAKA NO.
KB/LA/NO.13/2013**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **SHY NOYATINAH BINTI ABU BAKAR** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **ABU BAKAR BIN OTHMAN** yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di **Mahkamah Kuala Belait** pada **13 JUN 2013** pada **9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas. Tarikh : **22 MEI 2013**

**SURAT KUASA PUSAKA NO.
KB/LA/NO.17/2013**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI MASRI BIN MUHIJUDDIN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH MUTI BINTI HAJI ABANG BUJANG** yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan

sebab iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di **Mahkamah Kuala Belait** pada **13 JUN 2013** pada **9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : **22 MEI 2013**

**SURAT KUASA PUSAKA NO.
KB/LA/NO.18/2013**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI YAHYA BIN HAJI MAT YASSIN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI MAT YASSIN BIN MUKSIN / MOKSIN** yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di **Mahkamah Kuala Belait** pada **13 JUN 2013** pada **9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat

bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : **22 MEI 2013**

**SURAT KUASA PUSAKA NO.
KB/LA/NO.19/2013**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **SALAN BIN HAJI TOKIMIN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI TOKIMIN BIN KUNDEN/KUNDEW** yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di **Mahkamah Kuala Belait** pada **13 JUN 2013** pada **9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : **22 MEI 2013**

**SURAT KUASA PUSAKA NO.
KB/LA/NO.20/2013**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **PANEAI ANAK JUGA** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **ISAU ANAK BALI** yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa

permohonan ini akan didengarkan di **Mahkamah Kuala Belait** pada **13 JUN 2013** pada **9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : **22 MEI 2013**

**SURAT KUASA PUSAKA NO.
KB/LA/NO.22/2013**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **JENI ANAK ENGGI** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **SAWAI ANAK PELANG** yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **IBU** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di **Mahkamah Kuala Belait** pada **13 JUN 2013** pada **9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : **22 MEI 2013**

DYG HARNITA ZELDA SKINNER

**Timbalan Pegawai Waris
Negara Brunei Darussalam**



PESANAN DARI AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM (AMBD)

HINDARI PELABURAN YANG BERUNSURKAN SKIM CEPAT KAYA

PASTIKAN AWDA HANYA MELABUR DENGAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN YANG DILESENKAN OLEH AMBD



ANTARA CIRI-CIRI SKIM CEPAT KAYA:

- **Menjanjikan pulangan yang tinggi** (melebihi kadar pulangan yang lazimnya diberikan oleh institusi-institusi kewangan yang berlesen) dalam jangka masa yang pendek disamping insentif-insentif yang menarik.
- Lazimnya **tidak disokong dengan dokumen**.
- **Tatacara urusaniaga yang tidak jelas atau mencurigakan** seperti menjadikan orang yang berpengaruh sebagai testimony bagi meyakinkan orang ramai untuk menyertai skim mereka.
- **Mungkin berdaftar dengan Pendaftar Nama-Nama Perniagaan dan Syarikat-Syarikat untuk menggambarkan perniagaan yang sah**. Sijil Pendaftaran tidak member kuasa untuk melakukan aktiviti-aktiviti perniagaan berkaitan dengan kewangan. Aktiviti-Aktiviti perniagaan berunsurkan kewangan mestilah mempunyai lesen dari AMBD.

Sila hubungi pihak AMBD di talian 2388388 atau melalui e-mel difie@ambd.gov.bn bagi sebarang pertanyaan atau maklumat.



1ST BRUNEI DARUSSALAM NATURE FESTIVAL 2013

31st May - 03rd June 2013
Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan

- Kesedaran Tentang Pemuliharaan Alam
- Penceramah Pakar Alam Semula Jadi
- Galeri Hidupan Liar
- Peraduan Arca Botol Plastik
- Peraduan Melukis dan Mewarna Untuk Kanak-kanak
- Lawatan Luar Sambil belajar

BRUNEI DARUSSALAM Nature Festival 2013

Facebook Page: Brunei Darussalam Nature Festival
Facebook : Sakam Bdnf

JABATAN BANDARAN
Sakam Enterprise

Kenali Negara Kitani



PESANAN DARI **AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM (AMBD)**

HINDARI PELABURAN YANG BERUNSURKAN SKIM CEPAT KAYA

PASTIKAN AWDA HANYA MELABUR DENGAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN YANG DILESENKAN OLEH AMBD

ANTARA CIRI-CIRI SKIM CEPAT KAYA:

- **Menjanjikan pulangan yang tinggi** (melebihi kadar pulangan yang lazimnya diberikan oleh institusi-institusi kewangan yang berlesen dalam jangkamasa yang pendek disamping insentif-insentif yang menarik.
- Lazimnya **tidak disokong dengan dokumen.**
- **Tatacara urusaniaga yang tidak jelas atau mencurigakan** seperti menjadikan orang yang berpengaruh sebagai testimony bag meyakinkan orang ramai untuk menyertai skim mereka.
- **Mungkin berdaftar dengan Pendaftar Nama-Nama Perniagaan dan Syarikat-Syarikat untuk menggambarkan perniagaan yang sah.** Sijil Pendaftaran tidak member kuasa untuk melakukan aktiviti aktiviti perniagaan berkaitan dengan kewangan. Aktiviti-Aktiviti perniagaan berunsurkan kewangan mestilah mempunyai lesen dar AMBD.

TAWARAN MEYAKINKAN
INSENTIF MENARIK
PULANGAN MENAKJUBKAN
UNTUNG MENDADAK

JANGAN TERPEDAYA DENGAN
SKIM CEPAT KAYA

Sila hubungi pihak AMBD di talian 2388388 atau melalui e-mel d
fie@ambd.gov.bn bagi sebarang pertanyaan atau maklumat

Jurulatih rekreasi bantu kendalikan aktiviti belia

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 Mei. - Selaras dengan cita rasa belia yang inginkan cabaran, pelbagai kegiatan rekreasi telah dirancang dan dijalankan sama ada dari sukan air ke sukan acara pantai, dari berbasikal ke senamrobik, dari aktiviti pendakian ke aktiviti *jungle tracking* selain berkayak, kembara, perkhemahan, *rock climbing* dan *orienteering*.

Pemangku Timbalan Pengarah Belia dan Sukan I, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Rosmadee bin Haji Mohammad Daud berkata

semua aktiviti itu dapat membentuk jati diri, berdisiplin dan belia yang berketerampilan yang dihasratkan dapat menjadi masyarakat yang berguna.

Semasa berucap selaku tetamu kehormat dalam Majlis Pembukaan Rasmi Kursus Kejurulatihan Rekreasi Tahap Satu dan Dua yang berlangsung di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini, beliau menambah pada dasarnya, belia sangat tertarik dengan aktiviti yang lasak serta mencabar.

Keterlibatan mereka dengan

PEMANGKU Timbalan Pengarah Belia dan Sukan I, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Rosmadee bin Haji Mohammad Daud semasa berucap selaku tetamu kehormat.

aktiviti seumpama itu, jelasnya, akan mengurangkan kecenderungan mereka untuk terlibat dengan aktiviti yang kurang sihat.

“Dalam memperbanyakkan aktiviti itu tenaga jurulatih amat diperlukan bagi menjalankan apa jua aktiviti yang berbentuk rekreasi,” ungkapnya.

Beliau percaya kursus seumpama ini adalah perlu dalam melahirkan tenaga-tenaga jurulatih.

“Dengan bimbingan dan



latihan oleh jurulatih-jurulatih yang berpengalaman ini diharap kakitangan jabatan dan sukarelawan yang menyertai kursus ini akan dapat membantu kekurangan tenaga jurulatih yang sedia ada dan seterusnya mengendalikan

aktiviti-aktiviti khusus untuk belia di negara ini dengan lebih bermutu dan menarik,” ujarnya sejurus sebelum melancarkan kursus yang dikendalikan oleh Jabatan Belia dan Sukan (JBS), KKBS.

Menyentuh mengenai kursus yang diadakan selama 10 hari bermula 20 Mei ini, jelas beliau adalah dikhususkan kepada kakitangan JBS di keempat-empat daerah dan Badan Sukarelawan Belia Kebangsaan yang disertai seramai 20 peserta yang mana lima daripadanya terdiri daripada peserta perempuan.

Juga hadir ialah Pegawai Latihan, selaku Timbalan Pengerusi kursus berkenaan, Awang Haji Muhammad Nurul

Azrin bin Haji Gani; Presiden Persatuan Jurulatih Rekreasi Malaysia, Encik Hassan bin Maslan, Ketua-ketua Bahagian dan Cawangan JBS, Kejurulatihan Rekreasi Tahap Satu dan Dua dan para peserta kursus.

Kursus antara lain bertujuan untuk menambah tenaga-tenaga jurulatih rekreasi melalui bimbingan dan latihan yang diberikan oleh jurulatih-jurulatih yang berpengalaman.

Melalui kursus tersebut para pekerja belia dan sukarelawan yang menyertai kursus berkenaan dapat membantu mengendalikan aktiviti-aktiviti khusus untuk belia di negara ini.

Kursus dikendalikan oleh lima orang jurulatih rekreasi undangan dari Malaysia.

Kebolehan pelajar istimewa dalam Sukan Bocce

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Rabu, 22 Mei. - Jabatan Pra-Vokasional Sekolah Menengah Perdana Wazir buat pertama kalinya telah menganjurkan Pertandingan Sukan Bocce bagi pelajar-pelajar Program Pra-Vokasional dan 'School-Based Team' sekolah tersebut.

Pertandingan dibahagikan kepada tiga bahagian meliputi acara individu, acara berpasangan 'School Based Team' dan acara unify bagi pelajar Pra-Vokasional dan 'School Based Team' diadakan di dewan sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Pengerusi Sukan Olimpik Istimewa, Negara Brunei Darussalam, Leftenan Kolonel (B) Pengiran Haji Rambli bin Pengiran Haji Bunut yang seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang.

Tujuan pertandingan sukan tersebut diadakan antara lain bagi menunjukkan kebolehan dan keupayaan pelajar-pelajar istimewa, di samping itu supaya pelajar-pelajar memper-

olehi kemahiran ketahanan diri, kesabaran emosi, berdisiplin dan berdaya saing yang sihat.

Pihak sekolah berharap melalui pertandingan itu pelajar-pelajar akan dapat diketengahkan menjadi atlet Sukan Bocce di peringkat kebangsaan dan atlet Sukan Bocce di peringkat Asia Pasifik pada masa hadapan.

Dalam masa yang sama pertandingan juga memberikan

peluang kepada guru, ibu bapa dan penjaga pelajar serta pelajar sendiri memperolehi kemahiran daripada corak permainan dan peraturan sukan tersebut.

Melalui pengalaman dan kemahiran itu juga, kemungkinan besar, peserta akan dapat memberikan perkhidmatan sukarelawan di dalam pertandingan sukan tersebut.

Acara dimulakan dengan senamrobik yang disertai pelajar-pelajar dan ibu bapa serta guru-guru sekolah tersebut.



SEORANG pelajar Program Pra-Vokasional menyertai Pertandingan Sukan Bocce di Sekolah Menengah Perdana Wazir.

Bersihkan pantai amalan gaya hidup sihat

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Rabu, 22 Mei. - Kumpulan Syarikat Mashhor (MGOC) menjalankan Program Gaya Hidup Sihat (HLP) dengan menganjurkan aktiviti membersihkan pantai di Taman Rekreasi Jubli, di sini.

HLP tersebut bertujuan menggalakkan dan memberi kesedaran kepada pekerja syarikat mengenai pelbagai jenis aktiviti yang sihat dan bagaimana mengamalkannya dalam gaya hidup seharian.

Manakala aktiviti membersihkan pantai sebagai sebahagian daripada Pelan HSE syarikat 2013 bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang se-

lamat dan bersih yang menjadi tanggungjawab semua pihak untuk mengekalkannya.

Aktiviti kali ketiga anjuran MGOC dengan kerjasama Persatuan Beach Bunch yang menyediakan penyelarasan dan arahan pada kaedah yang betul dalam menjalankan aktiviti pembersihan pantai bagi memastikan semua tetamu dan peserta mendapat manfaat dan menikmati pengalaman dengan cara yang selamat.

Hadir pada aktiviti tersebut ialah Penghulu Mukim Belait, Awang Haji Pungut bin Ali.

Aktiviti diketuai oleh Pengerusi MGOC, Malai Haji Abdul

Hamid bin Haji Malai Mashhor dan disertai kira-kira 150 kakitangan itu berjaya mengumpulkan 169 kilogram sisa umum, 65 kilogram plastik dan lapan kilogram kaca.

Aktiviti kali pertama yang diadakan di kawasan Taman Rekreasi Jubli telah disertai sama Syarikat Brunei Shell Petroleum (BSP) dan Jawatankuasa Beach Bunch, sementara kali kedua diadakan di kawasan Tugu Satu Juta Tong, Seria.

MGOC bukan sahaja berusaha untuk menjadi sebuah syarikat bumiputera yang terkenal tetapi juga sedang berusaha untuk menjadi warga korporat yang bertanggungjawab dan aktif.

Brunei tuan rumah Kejohanan Petanque Pan Pasifik Ke-7

Berita dan Foto : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Mei. - Sebanyak 11 buah negara akan menyertai Kejohanan Petanque Pan Pasifik Ke-7 2013 yang akan diadakan di negara ini selama tiga hari bermula 31 Mei hingga 2 Jun di Gelanggang Petanque Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Kejohanan yang bertaraf antarabangsa ini akan melibatkan sebanyak 25 buah pasukan dan disertai oleh lebih 100 pemain.

Negara-negara yang menyertai kejohanan tersebut terdiri dari negara Jepun, New Zealand, Republik Singapura, Thailand, Republik Kesatuan Myanmar, Republik Sosialis Viet Nam, Malaysia, Republik Indonesia, Nepal, Mongolia dan tuan rumah Negara Brunei Darussalam.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Timbalan Presiden Persatuan Petanque Negara Brunei Darussalam, selaku Timbalan Pengerusi

Kejohanan, Awang Abdul Ghani bin Dato Paduka Haji Mohd. Ali pada Sidang Media yang diadakan di Dewan Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Menurut beliau, kejohanan tersebut dijangka akan dirasmikan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar pada 1 Jun akan datang.

Tambahnya, sebanyak dua kategori akan dipertandingkan iaitu *shooting* dan *triple*.

Pada sidang media tersebut juga diterangkan format pertandingan selain persediaan tuan rumah dalam menghadapi kejohanan tersebut.

Menyentuh persiapan pasukan negara menghadapi kejo-

hanan ini, Awang Mazlan bin Haji Yahya selaku pemain kebangsaan menjelaskan bahawa mereka menjalani latihan intensif sejak 15 Mei yang lalu dan sebelum ini telah menjalani latihan seperti biasa setiap hari.

Pemain-pemain yang menyertai kejohanan ini, tamahnya, terdiri daripada mereka yang aktif bermain dan berpengalaman selain menyerapkan lima orang pemain pelapis.

Pada kejohanan ini beliau menyasarkan pasukan negara untuk memenangi dalam acara *shooting terbuka* individu namun tegasnya, antara pasukan yang bakal memberikan cabaran ialah Thailand, Republik Sosialis Viet Nam dan New Zealand.

Kejohanan dikendalikan oleh Persatuan Petanque Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan.



TIMBALAN Presiden Persatuan Petanque Negara Brunei Darussalam, selaku Timbalan Pengerusi Kejohanan, Awang Abdul Ghani bin Dato Paduka Haji Mohd. Ali semasa berucap pada Sidang Media mengenai Kejohanan Petanque Pan Pasifik Ke-7.

Brunei DPMM FC berkongsi mata dengan Courts Young Lions



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mei. - Pasukan Brunei DPMM FC berjaya berkongsi mata selepas terikat 1-1 dalam perla-

wanan Kejohanan Liga S di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas ketika menentang pasukan Courts Young Lions.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Masri Osman

BERANGKAT sama menyaksikan perlawanan di antara pasukan Brunei DPMM FC dan pasukan Courts Young Lions ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Perlawanan malam ini bagaikan kurang serinya apabila kedua-dua pasukan hanya bermain 10 orang selepas salah seorang setiap pasukan diarah keluar padang.

Bagi pasukan tuan rumah perlawanan ini sepatutnya dimanfaatkan dengan sebaiknya untuk memperolehi mata penuh sekalipun pasukan pelawat juga membawa harapan yang tinggi sekali gus untuk menciptakan sebarang kutipan mata yang sebelum ini belum diperolehi selepas melalui 12 kali bermain.

Berangkat menyaksikan perlawanan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim berserta kerabat diraja yang lain.

Dengan merangkaikan dua bersaudara di barisan hadapan, Shahrizeen dan Adi ianya cukup membuat pasukan Courts Young Lions berasa gundah lebih-lebih lagi dengan serangan bertali arus pada babak awal perlawanan.

Lebih ketara serangan Brunei DPMM FC berlaku pada minit ke-7 apabila Sairol Sahari yang bergerak dari arah sebelah kiri cukup mencemaskan pasukan lawan apabila hantaran yang ditunjukkannya kepada Shahrizeen terbabas dari sasaran namun berjaya direbut kembali oleh Adi yang berada di petak 'D' lantas merembat kencang namun tersasar keluar.

Adi Said menjelmakan impiannya seminit kemudian apabila merubah kedudukan menjadi 1-0 selepas hantaran bola tinggi yang diumpan oleh ketua pasukan, Rosmin Kamis berjaya disambut dengan tandukan sempurna sekali gus memperdayakan Syazwan Buhari.

Tertekan dengan kerenah strategi

tuan rumah, pasukan pelawat cuba merubah rentak perlawanan dengan melakukan serangan kental para pemain dan ini berjaya menjerat emosi Shahrizeen pada minit ke-34 setelah mengasari Sheikh Abdul Hadi dan menyebabkannya diarah keluar padang selepas menerima dua kad kuning.

Dengan kelebihan pemain pasukan Courts Young Lions telah berjaya memanfaatkan kelebihan dengan menyamakan kedudukan 1-1 menerusi rembatan kencang Fareez Farhah hasil gerakan dari sebelah kiri.

Pada minit ke-59, hasil kombinasi pertahanan yang kurang sefahaman pasukan pelawat, antara Sheikh Abdul Hadi dan Farhan Rahmat hampir memberi laluan kepada pasukan tuan rumah untuk berada di hadapan tetapi bola yang dirampas oleh Adi ditampar oleh palang gol selepas membuat rembatan hasil kaki kanannya.

Pasukan Courts Young Lions menerima padah yang sama apabila harus bermain 10 pemain selepas pemain penyerangnya Sahil Suhaimi diarah keluar padang setelah melakukan kekasaran ke atas Pengiran Sallehuddin ketika perlawanan berbaki 30 minit.

Dengan keseimbangan pemain kedua pasukan 'A'.



SEBAHAGIAN aksi menarik di antara Brunei DPMM FC bertemu pasukan Courts Young Lions.

Berangkat menyertai Kejohanan Bola Jaring

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ihsan Media Permata

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 26 Mei. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat mengepalai pasukan G.Force pada Kejohanan Bola Jaring Piala Setia Motors Kali Kelapan, 2013, berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Hadir selaku tetamu

kehormat dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Pada acara itu, Yang Teramat Mulia juga berkenan menerima sijil penyertaan dan juga penyampaian hadiah bagi Kategori Lelaki.

Kejohanan tersebut dibahagikan kepada dua kategori iaitu Kategori

Wanita dan Kategori Lelaki.

Bagi Kategori Wanita pasukan NY13 meraih juara setelah menumpaskan pasukan IVY League dalam perlawanan akhir dengan jaringan 48-12, manakala NN Speed menewaskan pasukan G.Force dengan jaringan 48-12.

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman turut berangkat menyertai Kejohanan Bola Jaring Setia Motors bersama pasukan GForce dan mara sehingga separuh akhir.



Brunei DPMM FC berkongsi mata dengan Courts Young Lions



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ketika berkenan menyaksikan perlawanan Kejohanan Liga S di antara pasukan Brunei DPMM FC dan pasukan Courts Young Lions. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan di muka 23).

Kukuh hubungan kerjasama kedua buah negara

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mei. - Sebagai susulan bagi mengukuhkan lagi kerjasama dalam bidang kemajuan dan pembangunan di antara Bandaraya Nanjing dengan Bandar Seri Begawan dalam pelbagai bidang kemajuan dan pembangunan seperti mana yang telah termeterai dalam Perjanjian Persefahaman antara kedua-dua buah negara pada tahun 2011, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri

Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman telah mengadakan kunjungan muhibah kepada Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kongres Rakyat Nanjing, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Chen Shaoze berserta rombongan di Bilik Tetamu, Kementerian berkenaan, Jalan James Pearce, di ibu negara, di sini.

Pada kunjungan tersebut, kedua-dua belah pihak telah bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu yang

berhubung kait bagi mengukuhkan lagi hubungan kerjasama kedua-dua buah negara.

Kunjungan hormat ini juga menandakan persefahaman dan kerjasama yang erat di antara kedua-dua buah negara dan merupakan satu peluang untuk bertukar-tukar pandangan dan maklumat dalam perkara-perkara yang menjadi kepentingan bersama.

Hadir sama pada kunjungan muhibah tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Timbalan

Ketua Misi, Kedutaan Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Mr. Fang Xinwen.

Tuan Yang Terutama Chen Shaoze berserta rombongan seramai sembilan orang berada di negara ini bagi lawatan kerja selama tiga hari bermula 24 hingga 26 Mei.

Lawatan tersebut adalah sebagai bukti dalam mengembangkan dan mempertingkatkan lagi bidang-bidang kerjasama seperti sektor pelancongan, kebudayaan, sukan, pendidikan dan sebagainya yang boleh dimanfaatkan oleh kedua-dua belah pihak.

Selain itu, ia juga merupakan sebagai lawatan balas daripada rombongan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) yang diketuai oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri termasuk Pengerusi Lembaga Bandar Seri Begawan (BSB) ke Bandaraya Nanjing, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Chen Shaoze.

MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa mengadakan kunjungan muhibah kepada Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kongres Rakyat Nanjing, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Chen Shaoze.

Kolej IGS mampu menyumbang ekonomi negara

Dari muka 1

Dengan usaha-usaha seumpama ini, sabda YTM yakin bahawa Kolej IGS mampu berkembang maju untuk memberikan perkhidmatan pendidikan yang lebih menyerlah lagi dan setanding dengan institusi-institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara.

Di samping meraih ilmu dan kelulusan akademik, sabda YTM, para graduan juga perlu meningkatkan kebolehan dalam aspek-aspek lain termasuk kepimpinan yang baik, berkomunikasi dengan

berkesan, kerja berpasukan dan berkemahiran dalam menguruskan sumber tenaga manusia.

Sabda YTM penyerapan nilai-nilai sahsiah diri yang murni bagi membimbing pembangunan akhlak graduan yang mulia juga perlu diberikan tekanan yang sewajarnya dalam program-program Kolej IGS demi memastikan bahawa ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi oleh para graduan pada masa ini berupaya menjadi pemangkin kepada pembentukan generasi yang lebih maju dan cemerlang pada masa akan datang.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ketika mengurniakan sabda dalam Majlis Konvokesyen Kali Pertama Ijazah Sarjana Muda Lim Kok Wing Universiti of Creative Technology dan Konvokesyen Kali Keenam Diploma-Diploma BDTVEC Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa (Kolej IGS) di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa.

Pemindahan Pelantar West Defender

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mei. - Jabatan Laut memaklumkan kepada pelaut-pelaut bahawa Syarikat Brunei Shell Petroleum Company Sdn. Bhd. akan menjalankan kerja-kerja pemindahan Pelantar West Defender dari Iron Duke ke Salman 05°13.9 " N dan 114°40.6" E pada 24 Mei hingga 31 Oktober ini.

Sehubungan dengan itu, pelaut-pelaut adalah dikehendaki menjauhi diri dalam jarak yang selamat dari pelantar tersebut dan dinasihatkan untuk lebih berhati-hati apabila belayar di kawasan tersebut.

lik Rakyat China pada tahun 2012 atas undangan Datuk Bandar di Perbandaran Kerajaan Rakyat Nanjing, Tuan Yang Terutama Ji Jianye.

Semasa berada di negara ini, Tuan Yang Terutama Chen Shaoze dan rombongan juga berkesempatan mengadakan perbincangan dengan beberapa agensi kerajaan yang berkaitan seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Sementara pada 24 Mei lalu, TYT Chen Shaoze berserta rombongan telah mengadakan sesi perbincangan dengan pihak Jabatan Bandar BSB, KHEDN dalam Majlis 'Working Dinner' yang diberikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di The Empire Hotel dan Country Club, Jerudong.

TYT Chen Shaoze juga turut mempromosikan Bandaraya Nanjing, Republik Rakyat China yang akan menjadi tuan rumah kepada Pesta Sukan Belia Asia

2013 dan Pesta Sukan Olimpik 2014.

Pada sebelah petang, rombongan berkesempatan melawat ke tempat-tempat menarik di negara ini antaranya Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampung Ayer, Kampung Ayer dan Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja.

Juga hadir dalam kunjungan muhibah tersebut ialah Setiausaha Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN dan Pengerusi Lembaga Bandar BSB.



'MENIKMATI KEHIDUPAN AMAN, SELAMAT DAN HARMONI'

دتریبیکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.